

Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | APRIL 2016 | BIL.18



Memperkasa Islam dalam Setiap Disiplin Ilmu

Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi
Naib Canselor UniSZA

Pengurusan Tertinggi

Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif
Naib Canselor

Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Pembangunan)

Prof. Dr. Nik Wan Omar
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Madya Nordin Jusoh
Pendaftar

Prof. Madya Ariza Ibrahim
Bendahari

Prof. Dr. Zuhairah Ariff Abd. Ghadas
Penasihat Undang-undang

Ir. Mohd Yasim A. Ghani
Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan

Sidang Pengarang

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh
Penerbit UniSZA

Dr. Bahyah Abdul Halim
Penerbit UniSZA

Dr. Muhamad Fazil Ahmad
Fakulti Sains Sosial Gunaan

Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

En. Cornelius Anuar Abdullah McAfee
Pusat Penataran Ilmu

En. Mohd Shahrizal Nasir
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Sharipah Mursalina Syed Azmy
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Cik Nazilah Mohamad
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor
Penerbit UniSZA

En. Mohamad Shahrir Abdul Hamid
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff
Jurufoto
Unit Komunikasi Korporat

Cik Nurul Aizam Ab Rahim
Setiausaha
Penerbit UniSZA

Sumber dan Penyumbang Bahan

1. Pejabat Naib Canselor
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)
3. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
4. Bahagian Pengurusan Akademik
5. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
6. Fakulti Senireka dan Teknologi Kreatif
7. Fakulti Sains Sosial Gunaan
8. Fakulti Informatik dan Komputeran
9. Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
10. Fakulti Sains Kesihatan
11. Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam
12. Pejabat Pendaftar
13. Perpustakaan UniSZA
14. Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur
15. Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar
16. Pusat Pendidikan Lanjutan
17. Pusat Sukan dan Rekreasi
18. Penerbit UniSZA
19. Pusat Islam UniSZA
20. Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional UniSZA
21. Pejabat Kolej Kediaman UniSZA
22. Prof. Dr. Nashriyah Mat, Pensyarah FBIM
23. Dr. Nor Salimah Abu Mansor, Pensyarah FKI
24. Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Pensyarah FKI
25. Dr. Muhamad Fazil Ahmad, Pensyarah FSSG

Hak Cipta Terpelihara © 2016. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2016

Pengarah, Penerbit UniSZA,
Universiti Sultan Zainal Abidin,
Kampus Gong Badak,
21300 Kuala Terengganu,
Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-668 8772 Faks: 09-668 7867

Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



Kandungan

Utama	4
Malim Sarjana	5
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	8
Rencana	18
Tokoh	30
Pencapaian	34
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	40
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	49
Sukan dan Ko-Kurikulum	52

Profil

Naib Canselor UniSZA ke-3

Profesor Dato' Dr. Ahmad Zubaidi Abdul Latif diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi tempoh selama tiga tahun berkuatkuasa mulai 1 Februari 2016 hingga 31 Januari 2019. Beliau dilahirkan di Bukit Payung, Kuala Terengganu pada tahun 1961. Sebelum ini, beliau pernah belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak dan Matrikulasi di Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur. Pada tahun 1986, beliau memiliki Ijazah Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Pembedahan, Universiti Malaya pada tahun 1993.

Beliau ialah pakar dalam bidang pembedahan dan dilantik sebagai *Profesor of Neurosurgery*, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam pada tahun 2005. Pada masa yang sama, beliau ialah *Honorary Senior Consultant Neurosurgeon*, Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Sungai Buluh, Selangor. Beliau pernah menjadi Ketua Jabatan Pembedahan, Hospital Kuala Lumpur dan *Senior Consultant Neurosurgeon and Academic Coordinator* di Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau memiliki pengalaman pembedahan di peringkat antarabangsa, kerana beliau merupakan ahli *Neurosurgery Fellowship Western General Hospital*, Edinburgh dan *The National Hospital for Neurology and Neurosurgery*, London. Beliau juga adalah *Visiting Consultant Neurosurgeon* di Princess Anne Hospital, Sydney dan Klinikum Frankfurt, Jerman. Di UniSZA, beliau pernah berkhidmat sebagai Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Pengarah Pembangunan Hospital. Pada masa yang sama beliau dilantik sebagai *Lead Neurosurgeon, Radiosurgery Service* di Institut Kanser Negara Putrajaya dan Hospital Kuala Lumpur.

Beliau turut dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan, Majlis Profesor Negara (MPN), Jabatan Perdana Menteri sejak April 2014. Beliau juga merupakan Pengerusi Skim Geran Penyelidikan Fundamental, Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan. Selain pernah menjadi pengerusi *International Conference in Healthcare* 2008, Prof. Dato' juga menjadi pengerusi di Simposium *Neuro-oncology*, 13th *Asian Congress of Neurological Surgeon*. Beliau pernah dilantik sebagai *Speaker in British Neuro-oncology Meet* di University of Nottingham, England pada tahun 1996 dan



Speaker in Asian Oceania Congress of Paediatric di Pulau Pinang pada tahun 1997. Bebanan kerja tidak menjadi alasan meniadakan penglibatan beliau dalam program aktiviti bersama komuniti. Ini dibuktikan apabila beliau menjadi Pengerusi Bersama Program Profesor Turun Padang anjuran MPN dan Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Terengganu, dan UniSZA di Gong Kemuntong, Besut Terengganu pada tahun 2013. Beliau juga menjadi Pengerusi Persatuan Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin sejak tahun 2014 hingga kini. Beliau adalah seorang penulis akademik yang aktif di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam bidang *Neurosurgery*.

Menjenguk Pemikiran Tokoh Perjuangan Dakwah Gerakan Islam Alam Melayu: Perspektif Profesor Dato' Mohamad Abu Bakar

Nor Salimah Abu Mansor, PhD



Perjuangan dakwah muncul seiring dengan kemunculan Islam. Perjuangan Rasulullah s.a.w. untuk membumikan dakwah Islam menjadi tradisi *nubuwwah* yang diteruskan oleh para sahabat, tabiin dan generasi selanjutnya hingga masa kini. Dalam konteks perjuangan dakwah, kewujudan gerakan Islam di seluruh dunia menjadi suatu yang signifikan dalam memastikan Islam diletakkan di tempat yang sewajarnya setelah kejatuhan khilafah Uthmaniyyah di Turki pada tahun 1924.

Menjenguk pemikiran Mohamad Abu Bakar, dalam hal berkait dengan perjuangan dakwah, ia merupakan sesuatu yang dirasakan 'akrab', sekalipun beliau lebih terkenal dalam bidang sejarah, pengajian antarabangsa dan strategik. Beliau berkelulusan dalam bidang sejarah dan politik dari Universiti Malaya dan Lancaster University. Beliau yang sejak awal bergelar akademia di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, tidak sekadar mengkaji susur galur perjuangan dakwah di Malaysia dan Alam Melayu, namun memiliki pengalaman istimewa kerana ikut serta sebagai 'pemain' dalam kebangkitan Islam 1970-an hingga 1990-an. Keluasan pengalaman dan kefahaman sarjana ini yang

bergerak aktif dalam lapangan dakwah pada dasawarsa kebangkitan Islam, justeru menjadikan perjalanan kesarjanaan dan perspektif beliau sebagai figura akademik wajar ditelusuri dan dihayati.

Penganjuran wacana gerakan Islam Alam Melayu secara bersama antara Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam dengan PERSADA, sebagaimana tradisi masa lalu yang membudayakan budaya ilmuwan Islam, telah mempertemukan khalayak UniSZA dengan tokoh yang berasal dari Terengganu ini. Secara peribadi, sosok beliau mula dikenali oleh pelajar, pengkaji dan pemerhati dakwah serta para Islamis, sejak awal 1970-an terutama menerusi buku-buku beliau yang berkaitan dengan sejarah, perkembangan dan isu-isu dalam perjuangan dakwah dan kebangkitan Islam di Malaysia. Hasil tulisan beliau dianggap sebahagian daripada sejumlah karya mercu tanda kepada kajian-kajian mengenai perjuangan dakwah di Malaysia dan Alam Melayu, *Islamic Renaissance*, *Islamic Revivalism* dan *Islamic Awakening*, menerusi karya *Mahasiswa Menggugat* (1973), *Historia* (1984), *Penghayatan Sebuah Ideal* (1989), *Ulama Terengganu* (1991) dan *Potret Masa* (1994), serta ratusan rencana dan artikel tempatan dan antarabangsa.

Wacana pada 15 Februari 2016 lalu mengupas tentang perjuangan dakwah gerakan Islam di Alam Melayu dalam bentuk dan perspektif yang berbeza dan istimewa. Ini kerana Islamisasi dan pergerakan dakwah yang dibincangkan melibatkan ruang masa yang amat luas. Dari perspektif sejarah, pergerakan dakwah yang wujud berlatarkan suatu zaman antara 800 hingga seribu tahun, kerana dakwah dan Islamisasi di Alam Melayu sudah pun menjangkau tempoh tersebut. Alam Melayu yang dimaksudkan ialah sepuluh buah negara ASEAN yang telah melalui zaman Islamisasi yang meluas bersama dengan pelbagai gerakan Islam di negara masing-masing. Walau bagaimanapun, Islamisasi yang berlaku perlu diperhalusi dalam konteks setempat kerana ia berkembang secara tidak sama. Di beberapa tempat atau negara di Alam Melayu, Islam berkembang subur dan diberi penekanan, sedangkan pada bahagian yang lain, ia bergerak secara perlahan. Oleh itu, hasilnya pelaksanaan Islam dilihat tidak sama, kesan daripada proses dakwah dan Islamisasi yang tidak setara di seluruh Asia Tenggara.

Mohamad Abu Bakar, sebagaimana lazimnya,



penuh dengan metafora, mengibaratkan Islamisasi dan proses dakwah yang berlaku di Alam Melayu seperti penurunan salji yang sekalipun kelihatan seperti melata, tetapi mempunyai pertompokan yang tidak sama di tempat yang berlainan, disebabkan perbezaan ruang dan takungan. Islam yang muncul di tempat yang berbeza, pada zaman yang berbeza, sudah pasti memberi perkelompokan Islam yang tidak sama. Keadaan ini menatijahkan respons yang tidak sama daripada kelompok masyarakat yang menerima dakwah itu, terhadap situasi semasa mereka. Sebagai contoh, kelahiran negeri-negeri Islam seperti Banjar dan Pontianak di Kalimantan, Bone dan Goa di Sulawesi, Aceh dan Pasai di Sumatera, Melaka, Terengganu dan Kelantan di Tanah Melayu, serta Pattani di Thailand. Perkelompokan Islam yang tidak merata ini, dalam erti kata yang lain, memberi dampak yang berbeza dan menatijahkan kesan yang begitu panjang sehingga boleh dilihat hingga ke hari ini.

Pergerakan-pergerakan Islam awal yang berlaku di lokasi-lokasi ini, jika ada, ialah perjuangan dakwah yang melibatkan dua bentuk, sama ada perjuangan untuk memurnikan Islam daripada khurafat dan bidah di tempat masing-masing, atau kedua, sebagai suatu kebangkitan mempertahankan Islam daripada pencerobohan luar

seperti penjajah Belanda, Inggeris dan Portugis. Hasil perjuangan dakwah ini, meninggalkan kesan kesinambungan Islam dengan wajah-wajah yang diwarnai oleh pergerakan Islam di kawasan masing-masing. Bagaimanapun, terdapat kawasan di Alam Melayu yang langsung tidak menerima 'penurunan salji Islam' iaitu Borobudur, Jogjakarta, Angkor Wat di Kemboja dan Utara Thailand yang tidak mendapat suluhan dan sinaran daripada perkembangan Islam yang wujud di rantau ini. Secara keseluruhan, latar ini memberi makna sepuluh buah negara ASEAN ini sedang berinteraksi atau masih menerima tekanan daripada pihak luar akibat daripada sejarah perkembangan dakwah yang diwarisi di rantau Alam Melayu sejak seribu tahun lalu.

Dalam dimensi yang lain, Mohamad Abu Bakar melihat cabaran dakwah dari sudut campur tangan luar (kuasa asing), termasuk cabaran pengekaln bidah dan khurafat serta pengaruh ajaran-ajaran sankratisme yang berpanjangan di rantau ini terutama di Jawa. Apa yang penting untuk dilihat adalah bagaimana pergerakan-pergerakan Islam awal ini bangkit untuk memurnikan Islam di lokasi masing-masing, seperti Sarekat Islam di Jawa, Nahdlatul Ulama dengan 30 juta anggotanya di Jawa, Muhammadiyah dengan jumlah anggota yang sama, yang memiliki pelbagai masjid, surau

dan universiti, ataupun pergerakan-pergerakan negara Islam di Sulawesi, Aceh dan Jawa Tengah. Selain memperjuangkan dakwah, mereka ini telah bangkit menentang Belanda pada era penjajahan, dan kemudiannya bangkit lagi menentang arus kebangsaan dengan memperjuangkan negara Islam atau Dar al-Islam di Aceh, Sulawesi, Jawa Tengah, Jawa Barat dan sebagainya. Ini bererti pergerakan-pergerakan Islam awal, bukan sahaja di Indonesia termasuk Malaysia, Singapura dan Thailand sejak tahun-tahun awal kurun ke-20 hingga masa kini adalah tindak balas dan reaksi kepada keadaan sekeliling mereka akibat pewarisan daripada zaman Belanda, British dan Portugal atau reaksi kepada saki baki daripada budaya zaman pra Islam yang masih ada di rantau ini. Dalam ungkapan lain, Mohamad Abu Bakar menekankan soal proses pengislaman yang berjalan sejak seribu tahun lalu, melewati abad ke-20 hingga ke hari ini. Kondisi yang mencabar ini kekal hingga kini dengan cabaran-cabaran kuasa luar, pembawaan kepercayaan lama dan khurafat warisan Hindu-Budha, serta gerakan-gerakan lain yang kontra dengan Islam seperti Islam liberal, Syiah dan kebatinan di Indonesia dan Malaysia. Perjuangan dakwah di rantau Alam Melayu ini diumpamakan seperti air, diharapkan apabila melimpah naik dan memenuhi segenap ruang, hingga suatu masa dapat menjadikan seluruh Asia Tenggara ini suatu dunia Islam yang tersendiri. Bagaimanapun, ternyata dakwah Islam tidak melimpah sebagaimana yang diharapkan kerana masih ada ruang di rantau Alam Melayu ini yang kekeringan daripada Islam atau terdapat bahagian yang menerima Islam namun terpaksa berdepan dengan cabaran-cabaran getir mempertahankan Islam dalam kehidupan.

Di Malaysia, kemunculan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) iaitu gerakan Islam awal 1970-an merupakan respons untuk memartabatkan Islam atas dasar Islam sebagai suatu cara hidup

dan penyelesaian kepada semua masalah. Ternyata pergerakan ini mampu menganjak paradigma dan mentransformasikan kehidupan umat Melayu secara revolusionari hingga semua peringkat atau kelas, mula menerima kenyataan Islam sebagai satu cara hidup, walaupun pada dekad-dekad sebelumnya penuh dengan kejahilan, khurafat dan bidah, serta cara hidup liar termasuk cara hidup Barat bagi golongan kelas menengah. Hal ini bermakna, dalam tempoh empat dasawarsa, 1970-an hingga kini, penyeluruhan pergerakan dakwah telah menyebabkan berlaku perubahan pada wajah pengamalan Islam, sekalipun penghayatannya pada tahap yang berbeza-beza dalam soal pergaulan, pemakaian, pendidikan, ekonomi dan perbankan. Perterjemahan Islam yang bermula daripada individu, turut disumbangkan oleh dakwah daripada gerakan Islam lain seperti Jamaah Tabligh dan Darul Arqam.

Sumbangan dakwah gerakan-gerakan Islam 1970-an dan 1980-an ini ternyata membawa perubahan pada wajah pengislaman orang Melayu yang sebelum itu, dengan kehidupan liar dan bebas hingga terdapat masyarakat Pantai Timur digambarkan oleh British pada awal abad ke-20 sebagai masyarakat London pada waktu petang. Ini bermakna masyarakat Melayu di mana-mana negeri selain kelompok Islam tradisi, yang berada di luar perbatasan pondok, hidup dengan cara yang tidak Islami sehinggalah mereka ditransformasikan pada dekad-dekad kebangkitan Islam. Bagaimanapun, persoalan yang timbul ialah bagaimana prinsip Islam dan retorik dakwah masa lalu ini mampu menangani cabaran-cabaran semasa yang berlaku hari ini?

Menurut Mohamad Abu Bakar, globalisasi, dengan segala punggahan sampah sarapnya, bermula modenisme, pascamodenisme, liberalisme, hingga kepada percambahan pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) yang anti kepada Islam atau liar daripada Islam seperti kumpulan

G25, SIS dan seumpamanya turut memberi cabaran berterusan kepada pergerakan dakwah. Selain itu, cabaran dakwah juga datang dalam bentuk fenomena baharu seperti fenomena kecairan anak muda oleh media massa kebebasan berfikir. Situasi ini semakin kritikal apabila kebebasan berpolitik dan menyatakan pendirian menjadi luar biasa hingga membawa kepada pertempuran idea dan pertembungan aliran termasuk polemik percanggahan aliran Salafi-Wahabi dengan kelompok Ahlu Sunnah Wal Jamaah (ASWAJA) yang mewarisi pertembungan masa lalu daripada sejarah pergerakan kaum muda dan kaum tua. Sedangkan, pada waktu yang sama, perjuangan dakwah hari ini berada dalam pertemuan 'dua masa' iaitu masa terbaik dan masa terburuk. 'Masa terbaik' kerana zaman ini telah melata kefahaman mengenai Islam sebagai suatu cara hidup, dengan suasana bilangan ulama yang ramai, lambakan graduan lulusan agama, proses dakwah yang begitu intensif hasil lanjutan dakwah dekad 70-an lalu, serta lambakan literatur agama dan dakwah, termasuk informasi agama yang sangat kaya menerusi internet dan media baharu. Bagaimanapun, dakwah pergerakan Islam masa kini juga berdepan dengan 'masa terburuk' dengan ledakan globalisasi yang sarat dengan pelbagai aliran yang bersifat anti Islam, hingga menjadi racun kepada generasi muda Islam untuk mendorong mereka menjadi kelompok Sekularis-Liberalis-Pluralis, dengan bantuan NGO liar, dalam bentuk dan wajah baharu, yang ada kalanya memakai identiti tempatan. Selain itu, perjuangan dakwah gerakan Islam juga berdepan dengan 'masa terburuk' akibat perpecahan dan kebebasan memberi pandangan yang berlaku pada masa kini, sehingga menyebabkan tiada pihak yang dapat memancing keakuran semua pihak sekalipun institusi mufti, kelompok ulama muda dan tua, NGO, badan dakwah atau parti Islam. Pada hujung perbincangan, Mohamad Abu Bakar menarik perhatian khalayak dengan

melontarkan persoalan, iaitu dalam kedudukan dakwah yang begitu kaya dengan kejayaan masa lalu serta berbekalkan agamawan yang ramai, adakah umat Islam mampu menjelmakan imej Islam sebagai 'rahmat' untuk sekalian alam dengan segala keunikannya?

Sebagai kesimpulan, sarjana ini menyeru semua agar menginsafi semula peranan gerakan Islam agar mengutamakan *wahdatul fikr* atau kesatuan pemikiran, dengan mengenepikan sejumlah perbezaan dalam perkara cabang atau ranting, di samping menyasarkan suatu objektif unggul untuk merealisasikan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat pada tahap yang paling ideal. Hasrat ini, sekalipun seolah terlalu ideal dan sukar tercapai, tetapi sewajarnya dijadikan paksi dalam minda seluruh pendukung gerakan Islam, para Islamis dan semua Muslim, agar usaha-usaha untuk merealisasikan sentiasa menjadi premis dalam setiap aktiviti dakwah. Paling ditakuti, apabila setelah usaha membangunkan dakwah berlangsung sejak berdekad, tiba-tiba dakwah menjadi lebur disebabkan kesilapan dan kepincangan sikap pendakwah itu sendiri. Mohamad Abu Bakar mengharapkan sesudah memiliki ilmu dan retorik, perjalanan dakwah yang merupakan hasil gabungan semua pihak, institusi, NGO, dengan dukungan gerakan Islam dapat menyusun strategi untuk kukuh-mengukuh antara satu sama lain. Mudah-mudahan suatu masa, pewajahan dan perwatakan Islam daripada gerakan Islam di Alam Melayu ini dalam sudut fikrah, tingkah laku, tindakan dan sikap, berjaya diterjemahkan di alam nyata hingga dapat pula menyumbang kepada pengisian kebangkitan Islam dalam wajah baharu ini.

50 Pelajar Dijamin Pekerjaan

Program *Safety and Disaster Management* adalah salah satu program kebolehpasaran graduan yang telah mendapat geran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bermula pada 7 Oktober 2015 hingga 9 Januari 2016. Program anjuran Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar (PKKP) ini berlangsung di UniSZA, Kampus Gong Badak dan dikendalikan oleh Global Sar Resources Sdn. Bhd.

Program ini disertai oleh seramai 50 orang pelajar tahun akhir Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kejuruteraan dan Fakulti Biosumber dan Industri Makanan. Program ini diadakan sebanyak lima siri. Siri pertama adalah pemilihan pelajar yang layak untuk menyertai program ini manakala siri kedua hingga kelima adalah modul-modul yang disediakan oleh pihak Global Sar Resources Sdn. Bhd. iaitu *Introduction to Search and Rescue, Crisis & Emergency Management, Safety Management System* dan *Creative Leadership*.

Program ini memberi maklumat awal kepada graduan tentang pengetahuan mengenai kesihatan dan keselamatan pekerjaan serta tindak balas



kecemasan perancangan dan pengurusan krisis bagi membolehkan graduan mendapatkan penempatan di syarikat-syarikat yang sesuai. Ia turut menyediakan graduan dengan kemahiran yang diperlukan bagi menambah pengetahuan yang sedia ada. Ini penting supaya peluang penempatan pekerjaan dan kebolehpasaran dalam syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dapat ditingkatkan.

Pada masa yang sama, program ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai keselamatan dan pengurusan semasa dalam alam pekerjaan

sekali gus membantu pelajar mempersiapkan diri menempuh alam pekerjaan.

Pelajar yang mengikuti keseluruhan program ini, akan ditempatkan di syarikat-syarikat yang telah disyorkan oleh pihak penyedia perkhidmatan. Secara keseluruhannya program ini dapat meningkatkan sasaran peratusan pekerjaan dalam kalangan pelajar UniSZA dan seterusnya mencapai sasaran daripada KPT terhadap UniSZA.



Tun Dato' Seri Zaki

Kongsi Kepakaran dengan FUHA



Secara amnya, prinsip undang-undang tanah yang diamalkan di Malaysia adalah berdasarkan sistem Torrens (undang-undang Australia) iaitu sistem undang-undang yang mementingkan pendaftaran sebagai pengiktirafan hak milik. Berdasarkan prinsip ini, urus niaga / urusan tanah perlu didaftarkan bagi menjamin pengiktirafan yang tidak boleh disangkal miliknya dari segi undang-undang. Oleh itu, Seksyen 340 yang termaktub dalam Kanun Tanah Negara menerima pakai sistem ini. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak memberikan hak milik tidak boleh disangkal secara mutlak kepada pemilik yang berdaftar. Terdapat pengecualian kepada prinsip hak milik ini yang dinyatakan dalam seksyen 340(2) Kanun Tanah Negara.

Untuk memberikan pemahaman yang lebih lanjut berkenaan seksyen ini, pada 1 Februari 2016 Fakulti Undang-Undang dan Hubungan

Antarabangsa (FUHA) telah menganjurkan Syarahan Akademik bertajuk *An Appraisal of Section 340 of the National Land Code* yang telah disampaikan oleh Y.A.A. Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi di Auditorium Akademik, UniSZA. Y.A.A. Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi merupakan individu yang tidak asing lagi dalam bidang kehakiman kerana beliau merupakan mantan Ketua Hakim Negara dan juga Profesor Adjung FUHA.

Syarahan akademik ini melibatkan semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian dan pelajar tahun akhir Diploma Undang-Undang. Topik syarahan akademik pada kali ini khasnya bertujuan untuk membincangkan aplikasi Seksyen 340, Kanun Tanah Negara dan pengecualian yang diperuntukkan dalam kes Undang-undang Tanah di Malaysia. Untuk isu kali ini, kes Boonsom Boonyanit dan Tan Yin Hong adalah dirujuk dan dikupas

dengan terperinci.

Berdasarkan keputusan mahkamah dalam kes *Tan Ying Hong v Tan Sian San & Ors [2010] 2 MLJ 1*, fakta bahawa hak atau kepentingan itu diperoleh secara suci hati dan untuk balasan yang bernilai bukanlah persoalannya. Hal ini kerana, sekiranya mahkamah berpuas hati bahawa gadaian itu diwujudkan dengan menggunakan dokumen yang tidak sah, maka secara automatik menjadikan hak dan kepentingan yang didaftarkan itu boleh diketepikan. Keputusan kes Tan Ying Hong ini menunjukkan bahawa mahkamah telah mengubah prinsip yang telah dibuat dalam kes Boonsom Boonyanit.

Selain itu, syarahan ini menggalakkan perbincangan antara Y.A.A. Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi dengan para pelajar. Syarahan akademik ini turut dihadiri oleh staf akademik FUHA.

Bengkel Mendeley Tarik Penyertaan 40 Peserta Pasca Siswazah

Peranan Perpustakaan UniSZA sebenarnya tidak hanya terhad kepada perkhidmatan tertentu sahaja, tetapi telah melangkaui arus perdana. Perpustakaan UniSZA juga bertanggungjawab untuk membantu para penyelidik terutamanya bagi menguruskan bahan-bahan rujukan.

Pengurusan tidak tertakluk kepada pengurusan organisasi semata-mata, namun ia juga merangkumi pelbagai aspek lain misalnya, pengurusan artikel dan bahan-bahan rujukan. Namun, masih ramai yang tidak tahu kepentingan pengurusan artikel dan bahan-bahan rujukan, khususnya dalam kalangan penyelidik.

Sejajar dengan itu, Bengkel Asas *Mendeley* telah diadakan pada 20 Januari 2016 yang melibatkan seramai 40 orang peserta terdiri daripada para pelajar pasca siswazah, Fakulti Sains Sosial Gunaan.

Bengkel anjuran Perpustakaan UniSZA ini telah diadakan di Makmal Komputer Tertutup, Perpustakaan UniSZA dan dikendalikan oleh Pustakawan UniSZA, Encik Syaiful Hisyam Saleh.

Bengkel ini memberi pendedahan kepada para peserta tentang kaedah pengurusan artikel yang teratur dan berkualiti. Dalam bengkel ini, peserta turut diberi tunjuk ajar dan penerangan khusus berkaitan teknik pengendalian perisian *Mendeley Reference Manager* yang digunakan untuk pengurusan artikel-artikel serta bahan rujukan bagi tujuan penyelidikan oleh para penyelidik, pensyarah dan para pelajar.

Mendeley Reference Manager merupakan perisian yang diaplikasi oleh penyelidik bagi membolehkan mereka membentuk suatu rangkaian sosial penyelidikan akademik. Perisian ini membolehkan segala dokumen disimpan dengan selamat dan boleh



diakses dengan mudah, selain dapat menyusun bahan rujukan, dokumen dan nota di dalam satu medium yang selamat dan khusus. Melalui perisian ini juga, semua penyelidik dapat berkongsi tentang bahan-bahan rujukan serta bertukar-tukar pendapat dan mendapat maklum balas tentang hasil penyelidikan mereka.

Selain itu, bengkel ini dapat meningkatkan kemahiran para peserta terhadap kaedah pengurusan artikel penyelidikan yang lebih berkesan, mantap dan berkualiti seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa dalam bidang penyelidikan.

Antara slot utama bengkel ini adalah kemahiran asas *Mendeley*, mencari dan menyimpan sumber rujukan dan juga mengurus serta menulis sumber rujukan menggunakan aplikasi *Word Document*.

Bengkel ini merupakan siri kedua anjuran Perpustakaan UniSZA. Ia juga merupakan suatu medium untuk berkongsi maklumat dan ilmu kepada para pelajar yang boleh diaplikasikan secara optimum selepas mengikuti bengkel tersebut. Ia bersesuaian dengan peranan serta hasrat perpustakaan dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan semua pengunjung universiti sama ada warga universiti mahupun masyarakat am.

Memandangkan sambutan yang menggalakkan daripada para peserta, Perpustakaan UniSZA akan meneruskan kelangsungan program ini untuk para penyelidik dan warga UniSZA.



Aktiviti Bersama Profesor Pelawat, FUHA



Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menganjurkan satu syarahan umum *The Legal Architecture of the European Union: A Supranational Success Story* yang telah disampaikan oleh Prof. Dermot Cahill berkenaan kejayaan pembentukan dasar dan undang-undang Kesatuan Eropah dalam menghubungkan negara-negara serantau dan menerajui kesatuan ke arah kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

Syarahan akademik ini telah diadakan pada 22 Februari 2016 bertempat di Auditorium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak. Syarahan umum ini diadakan sempena lawatan beliau ke UniSZA iaitu pada 20-23 Februari 2016. Prof. Dermot Cahill merupakan Profesor Pelawat bagi FUHA setelah dilantik secara rasmi pada 1 Februari 2016. Program syarahan umum ini telah melibatkan kakitangan UniSZA, staf akademik serta pelajar FUHA.

Syarahan ini telah disampaikan dalam bahasa Inggeris. Secara umumnya, syarahan ini berkenaan dengan penyatuan undang-undang di negara-negara Eropah dan cara mereka mengaplikasikannya dalam membuat keputusan kehakiman serta memberikan maklumat dan perkembangan terkini berkaitan isu undang-undang di Eropah.

Beri Perhatian Kepada 'Penyakit Hati'



Adalah menjadi suatu fenomena biasa kepada kita sebagai manusia, sekiranya kita sakit, kita akan mencari penyelesaian atau penawar kepada penyakit tersebut, misalnya kita akan berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan. Namun, dalam mencari penawar kepada penyakit-penyakit tersebut, kita sebenarnya terlupa untuk mencari penawar kepada 'penyakit hati'.

'Penyakit hati' yang dimaksudkan adalah seperti kelalaian kita kepada Allah s.w.t., berprasangka buruk dan dengki, apabila kita tidak pernah merasakan bahawa ia sebenarnya suatu penyakit yang boleh mengundang bahaya sekiranya tidak diberikan perhatian terhadapnya. Begitulah sedikit inti pati yang boleh diambil daripada ceramah yang disampaikan oleh pensyarah di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Prof. Madya Dr. Syed Hadzrullathfi Syed Omar dalam program Malam Warga Perpustakaan yang berlangsung di Atrium Perpustakaan, Perpustakaan UniSZA, 19 Februari lalu.

Ceramah santai ini telah menarik perhatian seluruh warga Perpustakaan UniSZA yang hadir pada program tersebut. Beliau yang diundang sebagai penceramah jemputan, turut mengimamkan solat Maghrib, solat sunat Taubat dan Hajat secara berjemaah bersama staf Perpustakaan UniSZA.

Dalam ceramah tersebut, beliau banyak memperkatakan tentang betapa 'penyakit hati' manusia ini jarang diberi perhatian sewajarnya, bahkan ada juga yang tidak mengetahui bahawa mereka mempunyai penyakit ini dan perlu 'dirawat' dengan segera. Apatah lagi, dengan kesibukan tugas seharian, manusia sering terlupa untuk sentiasa membersihkan hati dan jiwa. Sekiranya hati sentiasa bersih, ia akan menjadi lembut dan penuh dengan perasaan kasih sayang, yang datang daripada Allah s.w.t.. Beliau turut mengingatkan bahawa hati perlu sentiasa dijaga kerana segala keburukan dan kebaikan diri seseorang terletak pada hati, sepertimana hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Tidak akan masuk syurga seseorang yang di dalam hatinya terdapat kesombongan sebesar biji sawi."

(Hadis Muslim).

CEO@Faculty Programme UniSZA 2015

UniSZA telah menganjurkan *CEO@Faculty Programme* pada 30 November 2015 bagi membolehkan tokoh-tokoh industri yang berwibawa berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam memperkasa sistem pendidikan tinggi negara. Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Prestariang Berhad, Dr. Abu Hasan Ismail merupakan CEO yang dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai CEO UniSZA sempena *CEO@Faculty Programme*.

Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi ini dimulakan dengan majlis beramah mesra dan perkongsian idea antara Dr. Abu Hasan Ismail dengan Pengurusan UniSZA yang terdiri daripada para pengurusan tertinggi dan dekan-dekan fakulti. Program ini turut diikuti dengan majlis minum pagi bersama pengurusan universiti dan para dekan fakulti.

Dr. Abu Hasan turut menyampaikan kuliah bertajuk *Developing Big Ideas & Entrepreneurship in ICT*. Program ini dihadiri oleh 100 orang pelajar dan 35 orang pensyarah Fakulti Informatik dan Komputeran UniSZA.

Dr. Abu Hasan dan para pengurusan UniSZA turut sama menghadiri majlis jamuan makan tengah hari yang diadakan di TH Hotel, Kuala Terengganu. Manakala



pada sesi petang, beliau telah menyampaikan syarahan yang bertajuk *Penglibatan Pelajar Universiti dalam Technopreneurship*. Program syarahan umum ini dihadiri oleh 700 orang peserta yang terdiri daripada wakil ahli Lembaga Pengarah UniSZA, wakil dari universiti-universiti awam dan swasta, pegawai-pegawai fokus, wakil politeknik, kolej swasta sekitar negeri Terengganu, pensyarah dan pelajar UniSZA.

Dalam majlis ini juga, Dr. Abu Hasan telah mengumumkan untuk memberi sumbangan sebanyak RM100,000.00 dalam bentuk wang ganjaran. Wang ganjaran ini akan diberikan kepada pelajar yang terpilih berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

FIK Berjaya Hasilkan 24 Artikel Berimpak Tinggi

Penganjuran bengkel bagi menghasilkan artikel untuk diterbitkan dalam jurnal ilmiah berimpak tinggi merupakan salah satu program wajib yang dianjurkan oleh Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK). Penganjuran bengkel ini juga bertujuan untuk meningkatkan prestasi fakulti dari segi penghasilan penerbitan ilmiah, selain daripada usaha untuk mencapai KPI bagi para staf akademik fakulti dalam penerbitan dan penyelidikan.

Pada tahun ini, bagi meningkatkan jumlah artikel berimpak tinggi, FIK telah mengadakan Bengkel Artikel Jurnal 2.0 pada 18 - 20 Februari 2016 bertempat di Resort World Kijal, Kemaman, Terengganu. Bengkel kali ini melibatkan 24 orang staf akademik.

Sesi bengkel dimulakan dengan taklimat oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Siswazah), FIK, Prof. Madya Dr. Fadhillah Ahmad. Dalam taklimat tersebut, beliau mengingatkan semua pensyarah FIK untuk sentiasa berusaha menghasilkan artikel yang bermutu tinggi supaya dapat diterbitkan dalam jurnal ilmiah yang berprestij dan mempunyai impak faktor.

Bengkel yang diadakan ini merupakan satu ruang terbaik untuk membimbing dan memberi galakan kepada semua pensyarah FIK agar bergabung tenaga dan idea bagi menghasilkan dan menerbitkan artikel yang bermutu tinggi. Selain itu, bengkel ini juga dianjurkan untuk melancarkan proses pengeditan artikel



secara bersama dengan melibatkan semua pensyarah termasuk para pakar bidang di FIK. Hasilnya, artikel dapat disiapkan dalam masa yang singkat.

Melalui penganjuran bengkel ini juga, fakulti berupaya untuk mewasit, mengulas, memberi cadangan dan menambah baik 24 artikel ilmiah yang dicadangkan untuk penerbitan bagi tahun 2016 dan 2017. Pelaksanaan bengkel ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan KPI penerbitan dan penyelidikan para pensyarah di FIK, malah ia dapat menjadi inspirasi kepada para pensyarah lain untuk lebih berdaya saing dalam mencapai sasaran fakulti bagi penghasilan artikel dalam jurnal ilmiah berimpak tinggi.

Program Pembangunan Modal Insan Bantu Mantapkan Kesihatan Fizikal dan Emosi



Tidak ada seorang manusia pun di dunia ini yang meminta untuk jatuh sakit. Sekiranya seseorang menghidap sesuatu penyakit, ia akan memberi kesan kepada fizikal dan emosi. Namun, sebagai hamba-Nya, kita juga tidak dapat lari daripada diuji oleh Allah s.w.t..

Untuk itu, pengamal perubatan alternatif yang juga pensyarah di Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Dr. Berhanudin Abdullah menyarankan agar setiap individu sentiasa peka dengan kesihatan diri selain segera mendapatkan rawatan sekiranya menghidap sesuatu penyakit sebelum melarat.

Beliau berkata demikian ketika hadir memberikan ceramah bertajuk 'Kaedah Rawatan Alternatif' dalam program Ceramah Pembangunan Modal Insan Siri 5 yang berlangsung pada 17 Disember 2015 di Auditorium Perpustakaan.

Menurut beliau, rawatan alternatif ini merupakan suatu pilihan lain kepada rawatan sedia ada yang digunakan secara meluas. Namun, ini tidak bermakna Islam menghalang umatnya menggunakan sebarang kaedah rawatan asalkan tidak melanggar syariat yang telah ditetapkan.

Beliau juga menasihatkan agar tidak meninggalkan rawatan moden yang diambil. Ini bagi memastikan kesihatan pesakit sentiasa berada di tahap terbaik di samping mengamalkan rawatan alternatif yang disyorkan.

Selain itu, beliau turut menggalakkan amalan pemakanan mengikut sunnah di samping mengamalkan

pemakanan seperti ulam-ulaman serta herba kerana khasiatnya yang baik untuk kesihatan. Sekiranya ingin mengambil nutrisi tambahan, perlu dipastikan agar ia mempunyai kandungan yang tidak berbahaya dan halal selain perlu merujuk kepada doktor terlebih dahulu.

Dalam usaha untuk merawat penyakit, pesakit tidak boleh terlalu bergantung kepada perawat, sebaliknya perlu berusaha bagi menangani penyakit tersebut.

Beliau turut menerangkan serba-sedikit tentang kaedah rawatan alternatif yang dijalankan kepada para pesakit selain berkongsi pelbagai tip kesihatan serta ayat-ayat al-Quran yang boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.



Pemimpin Siswa Sertai *Survival*

Kursus Survival Pemimpin Siswa UniSZA atau dikenali *UniSZA Leadership Survival Camp (Lea Sure)* Siri 1 diadakan untuk melatih pemimpin siswa dalam membina jati diri dan kerjasama dalam kumpulan serta merangsang semangat ingin berbakti kepada UniSZA dan negara.

Program anjuran Unit Latihan dan Kepimpinan Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik Pelajar UniSZA ini berlangsung pada 28 - 30 Januari 2016 dan siri dua pada 11 - 13 Februari 2016 bertempat di 1M4U Outreach Camp Merang, Setiu. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof. Dr. Nik Wan Omar. Dalam ucapan perasmian beliau menekankan aspek kepimpinan dan semangat jati diri yang hebat selain mengingatkan para peserta untuk menjadi pemimpin masa hadapan. Seramai 70 peserta siri 1 dan 50 orang peserta siri 2 telah terlibat dalam kem ini. Peserta yang terlibat terdiri daripada wakil Majlis Kolej Kediaman, Sahabat MPP, wakil Kelab dan Persatuan serta Pembantu Rakan Siswa.

Para peserta telah didedahkan dengan pelbagai teori asas *survival* dan telah melakukan latihan *survival* seperti *jungle tracking/hiking*, *Night Walk/ Solo Walk*, *Treasure hunt* serta melakukan pelbagai aktiviti dalam kumpulan. Peserta turut diberikan pendedahan *Water Confident* dan Ikhtiar Hidup.

Program ini sememangnya mampu membina jati diri mahasiswa dalam memahami konteks kehidupan yang sebenar.



Majlis Ramah Mesra Menteri Mentor Bersama Mahasiswa UniSZA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Mentor UniSZA, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharom meluangkan masa hadir ke Majlis Ramah Mesra Menteri Mentor bersama Mahasiswa Baharu UniSZA anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni pada 28 Februari 2016 di Dewan Perdana UniSZA.

Dato' Seri dalam ucapannya berkata, dalam dunia tanpa sempadan hari ini terlalu banyak anasir negatif yang boleh mengganggu ketenteraman negara dan umat Islam seperti kes lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) yang mula menular dalam kalangan masyarakat. Selain itu, penyebaran maklumat yang tidak sahih sangat berleluasa di media sosial. Oleh itu, mahasiswa perlu bijak menilai sesuatu maklumat dan memastikan inti pati maklumat yang diterima adalah sahih".

Beliau menyatakan bahawa semua manusia merupakan khalifah Allah s.w.t. yang akan melaksanakan tanggungjawab secara bersama. Justeru, mahasiswa perlu turut serta bertanggungjawab terhadap tugas-tugas khalifah.

Perkhemahan Bahasa Terap Budaya Belajar Menerusi Aktiviti Bahasa

Menguasai pelbagai bahasa merupakan satu usaha yang sukar, namun perkara tersebut bukan sesuatu yang mustahil untuk dilakukan. Penekanan terhadap kemahiran berbahasa ini wajar dipandang serius oleh semua pihak supaya usaha dan inisiatif yang berkesan dapat dilaksanakan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar.

Menyedari tentang kepentingan penguasaan pelbagai bahasa ini, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA telah menganjurkan Perkhemahan Bahasa Inggeris dan Perkhemahan Bahasa Arab yang berlangsung pada 11 – 22 Januari 2015. Program tersebut berlangsung di UniSZA Kampus Gong Badak dan di Kem Scout Inn, Teluk Ketapang. Program ini dilaksanakan secara berasingan dengan penekanan khusus diberikan terhadap teknik pembelajaran berbahasa di luar bilik perkuliahan.

Penguasaan bahasa bukan hanya melibatkan perkara teori sahaja, sebaliknya usaha ini memerlukan penekanan terhadap aspek praktikal melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti berbahasa. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program-program ini berlangsung antaranya, ialah *Dream Team*, *Campfire Story*, *Sketch*, *Western Dikir*, *Grammar Chant* dan *Home Shopping* bagi Perkhemahan Bahasa Inggeris. Bagi Perkhemahan Bahasa Arab pula aktiviti seperti *Unshudah al-Nahwi*,



Musabaqah Kalam Jama'i, *Takhmin al-Jumal*, *Rihlat al-Sayyad*, *Man Ana?* dan banyak lagi memenuhi jadual aktiviti pelajar sepanjang mengikuti kem ini. Slot ceramah motivasi juga dimuatkan dalam kedua-dua program bahasa ini agar para pelajar lebih berkeyakinan untuk menguasai bahasa-bahasa selain bahasa ibunda mereka.

Majlis penutup program telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan HEPA FBK iaitu Engku Suhaimi Engku Atek. Dalam ucapannya, beliau berharap agar program ini dijadikan satu medium pembelajaran terbaik yang dapat memberikan impak positif kepada para pelajar. Hal ini penting sebagai medan latihan bagi pelajar untuk memperbaiki tahap kemahiran berbahasa sebelum menjalani sesi latihan mengajar di sekolah-sekolah rendah sekitar daerah Kuala Terengganu mulai semester hadapan.

Rata-rata pelajar yang terlibat dalam program ini menzahirkan rasa gembira dan bermotivasi tinggi untuk menerapkan budaya pembelajaran bahasa Inggeris serta bahasa Arab yang baik dan berterusan sepanjang bergelar penuntut ilmu bahasa.

Pelajar Bakal **Usahawan**

Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Pelajar dengan kerjasama UniSZA Consultancy Sdn. Bhd telah mengadakan Program SMART Online Entrepreneur pada 26-28 Januari 2016 bertempat di Hotel Cititel Ekspres, Kuala Lumpur yang melibatkan penyertaan seramai 25 orang pelajar.

Objektif program ini adalah untuk melahirkan usahawan internet dalam kalangan mahasiswa yang berdaya saing serta menanam minda keusahawanan dalam jiwa mahasiswa sekali gus mengurangkan kadar pengangguran di Malaysia. Program ini juga bertujuan membangunkan usahawan internet yang menampilkan produk atau perkhidmatan yang mantap sehingga ke pentas global, dan melahirkan perintis usahawan internet mahasiswa yang mampu menjadi guru kepada mahasiswa yang lain pada masa akan datang.

Peserta yang menyertai program ini diajar tujuh modul perniagaan internet iaitu *How to Start Online Business & Database*, *Copywriting & Sales Techniques*, *Facebook Marketing*, *Sales Techniques*, *Whatsapp Marketing*, *Affiliate Marketin*, *Ebook & Minisite*.

Program ini merupakan salah satu platform untuk melahirkan usahawan muda dari kalangan mahasiswa dalam bidang perniagaan internet sekali gus mengurangkan kadar pengangguran berikutan peluang kerja yang semakin hari semakin berkurangan dengan kos hidup yang semakin tinggi.

Program ini amat berkesan bagi membantu mencapai visi dan objektif kerajaan untuk membangunkan usahawan yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing yang akhirnya menjurus ke arah pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera (MPPB).



Siri Wacana Ilmu Peradaban Islam: **Al-Quran dan Sains**

Wacana Ilmu Peradaban Islam siri kedua ini dianjurkan sebagai satu medium intelektual yang membincangkan pelbagai isu berkenaan tamadun Islam. Peranan para pemikir Islam amat penting dalam perkembangan ketamadunan Islam bagi menjana dan mengembangkan idea serta pemikiran umat Islam. Para cendekiawan juga berperanan dalam berkongsi ilmu dan pengalaman berkaitan isu-isu semasa serta cabaran yang dihadapi oleh umat masa kini dan pada masa yang akan datang.

Seiring dengan keperluan tersebut, Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE) telah menganjurkan Siri Wacana Ilmu Peradaban Islam yang bertemakan 'Al-Quran dan Sains' bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA. Tokoh cendekiawan yang dijemput untuk sesi perkongsian ilmu pada kali ini adalah Felo Kehormat INSPIRE, Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof Haji Othman. Wacana ilmu ini telah dihadiri oleh kakitangan dan pelajar UniSZA iaitu seramai 148 orang peserta.

Antara perkongsian beliau dengan para peserta adalah berkenaan sains dan al-Quran serta kaitan antara kedua-duanya. Beliau turut berkongsi pandangan para sarjana Barat dan Islam tentang sains dan teknologi (S&T) Islam, epistemologi sains konvensional, kedudukan sains dalam al-Quran, epistemologi sains dan teknologi Islam serta pembangunan modal insan untuk membangunkan S&T Islam. Seterusnya beliau turut menjelaskan hubungan antara manusia dengan Tuhan iaitu tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah, hubungan sesama manusia bagi pembinaan hubungan sosial serta hubungan manusia dengan alam bagi pembangunan sains dan teknologi.

Beliau juga menjelaskan bahawa agama mesti menjadi asas utama bagi memandu kreativiti dalam sains. Pembangunan S&T Islam hendaklah dibangunkan secara harmoni antara disiplin keilmuan dengan tuntutan agama agar tidak menyalahi fitrah alam. Ini boleh menghasilkan modal insan yang mempunyai kekuatan naqli dan aqli yang seimbang.

Para peserta yang menghadiri program ini turut mengambil peluang untuk bersoal jawab dengan beliau. Di akhir perkongsian, beliau membuat kesimpulan bahawa Islam tidak menolak ilmu sains yang membolehkan seseorang mengenali dan memahami tabii alam kerana manusia adalah khalifah Allah s.w.t. di muka bumi ini.

Penganjuran siri kali ini telah dapat memberi pendedahan kepada para pelajar dan kakitangan UniSZA tentang kepentingan integrasi antara sains dan al-Quran. Kedua-dua sumber ini sebenarnya tidak boleh dipisahkan dalam proses pembelajaran dan penyebaran ilmu.



VAPE – Menyingkap Dari Pandangan Perubatan dan Islam

Pusat Pengajian Sains Kejururawatan (PPSK), Fakulti Perubatan (FP) telah mengadakan satu seminar kesedaran tentang *e-cigarettes* (EC) yang bertajuk *E-Cigarettes: Do We Care?* pada 13 Januari 2016 bertempat di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak.

Isu mengenai EC atau *vape* hangat diperkatakan di media elektronik sehingga menjadi perbualan di parlimen. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia juga telah menyasarkan Malaysia bebas asap menjelang tahun 2035.

PPSK mengambil inisiatif menganjurkan program ini bagi memberi kesedaran terhadap kesan dan bahaya penggunaan EC kepada warga UniSZA khususnya dan masyarakat amnya.

Program ini juga memberi pendedahan kepada staf dan pelajar mengenai keburukan dan dari sudut pandangan agama tentang penggunaan EC.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dr. Nik Wan Omar. Beliau dalam ucapannya memberikan penekanan kepada peserta supaya menjauhi rokok dan EC yang boleh menyebabkan kesan buruk kepada kesihatan. Beliau juga meminta agar perokok sedia ada supaya berusaha untuk berhenti merokok.

Manakala, ceramah pertama telah disampaikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Prasiswazah, Prof. Dr. Harmy Mohamed Yusoff bertajuk *Vape: Apa yang Anda Perlu Tahu*.

Beliau menerangkan tentang sejarah, epidemiologi, mekanisme EC, kesan EC terhadap kesihatan dan EC di Malaysia serta isu-isu berkaitan EC. Beliau menegaskan bahawa EC mengandungi nikotin dan ia memberi kesan ketagihan. Nikotin boleh menyebabkan keracunan jika diambil secara berlebihan. Nikotin merupakan pencetus kepada perubahan sel *malignant* yang menyebabkan kanser.

Di samping itu, nikotin juga memberi kesan peningkatan kadar denyutan jantung, kadar pernafasan, mengecilkan saluran darah dan neurodegeneratif, iaitu memberi kesan kepada otak bayi dalam kandungan. Jumlah 60mg nikotin yang diserap dalam darah, berpotensi membunuh seorang dewasa yang beratnya 68kg.

Selain nikotin, EC mengandungi *propylene glycol* yang boleh menyebabkan iritasi kepada mata, tekak dan saluran pernafasan. Kandungan lain dalam EC adalah gliserin yang boleh menyebabkan kerosakan organ dalaman bagi jangka masa yang panjang.

Asap vape 100-200nm, lebih kecil daripada

partikel rokok membolehkan penyerapan ke dalam tisu dan salur darah berlaku lebih cepat. Penyedut pasif EC terdedah kepada nikotin dan bahan toksik lain kerana ia cepat meruap.

Sementara itu Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam menyentuh mengenai *Hukum Rokok Elektronik*. Beliau menerangkan bahawa EC ini telah diklasifikasikan sebagai haram kerana ia merupakan amalan yang sia-sia dan membawa kemudaratan kepada nyawa, akal, harta dan keturunan. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan ia (Allah) menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk”.

(al-A'raf: 157)

Program ini telah diterima baik oleh peserta serta memberi informasi dan kesedaran kepada peserta tentang bahaya EC.



Ficus Deltoidea Jack (Mas Cotek)

As the Herbal Plant of Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia

NASHRIYAH MAT, PhD

Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Emel: nashriyah@unisza.edu.my

Ficus deltoidea Jack or Mistletoe fig belongs to the genus *Ficus*, in the family Moraceae (with species that include jackfruit, breadfruit and mulberry). It is native and widely distributed throughout Southeast Asia, and in the Malay Peninsula it is known as 'Mas Cotek' because of the existence of fine gold-colour spots on the surface of each leaf. *Ficus deltoidea* is found throughout the tropics and is available in many varieties. The varieties are differentiated based on the morphology of the syconium (fig/ fruit), leaves, stems and their growth habits. Scientifically, it is well-known as a cross-pollinated species with insects as the main pollinator.

A well-documented work about *Ficus deltoidea* was done by Corner (1969) where he classified *F. deltoidea* into 13 varieties in Malesia (Malaysia, Indonesia, Thailand and the Philippines), based on the morphological variations of leaves and syconia (figs/ fruits). Kochummen (1978) and Turner (1995) recorded only seven varieties in the Malay Peninsula; namely var. *deltoidea* Corner, var. *angustifolia* (Miq.) Corner, var. *intermedia* Corner, var. *kunstleri* (King) Corner, var. *trengganuensis* Corner, var. *bilobata* Corner and var. *motleyana* (Miq.) Corner.

Currently, the most extensive germplasm living collection of *Ficus deltoidea* in Malaysia consisting of eight varieties can be found at the Faculty of Bioresources and Food Industry (FBIM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Tembilala Campus, Besut, Terengganu,

Malaysia (Fig. 1). The exact identification of the varieties is important so that accurate analysis of biological activity and metabolic syndrome effects of this plant can be mapped and elite plants can be conserved. UniSZA is leading the way carrying out scientific studies on different aspects of this herbal plant.



Figure 1. *Ficus deltoidea* Jack Germplasm Living Collection of UniSZA

Ficus deltoidea is an epiphyte that can be found growing mainly on the branches of taller plants for sunlight. The plants were also found growing on BRIS soil along the coastal areas, peat soils and most forest habitats except the mangrove swamps. A majority of *Ficus* varieties grow below 1200 m altitude. *F. deltoidea* var. *deltoidea* and var. *kunstleri* are primarily epiphytes whereas var. *trengganuensis* is primarily terrestrial similar to var. *motleyana*. The var. *motleyana* may grow up

as a spindly tree reaching 6 m high whereas var. *angustifolia* grows in places by the streams or riversides. In Borneo, the var. *motleyana* is found in the coastal, peat-swamp and sandy heath forests. *Ficus deltoidea* var. *intermedia* requires mossy forest for their natural habitat and is commonly found in Gunung Brinchang and Cameron Highlands, Pahang, Malaysia. The endemic var. *trengganuensis*, commonly found in the state of Terengganu on the East Coast of the Malay Peninsula of Malaysia, is generally an epiphyte on oil palm and forest trees but also can be found as a terrestrial shrub on sandy shores.

Potential of *Ficus deltoidea*

Ficus deltoidea is one of well-known herbs in Malaysia and is popular among the traditional medicine healers as the leaves can be a potential alternative medicine. Apart from Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*) and Kacip Fatimah (*Labisia pumila*), Mas cotek (*Ficus deltoidea*) is also one of the popular plants among the traditional practitioners for the postpartum treatment, to treat illness like hypertension and as a health tonic. It is one of the most valuable and well-known herbs for natural product processing. Traditionally, the uniqueness of this plant can be seen on the distinct characteristics of human reproductive organs on its 'male' and 'female' leaves. Due to these distinct characteristics, it is believed that it helps with female and male fertility treatments. Dried *F. deltoidea* leaves are marketed as herbal tea. Traditionally, the leaves

of *F. deltoidea* are boiled and the decoction taken for general health. The decoction of the leaf is used mainly by women to strengthen the uterus for women after giving birth, constrict the womb, improve blood circulation and to treat menstrual cycle problem. In Indonesia, the decoction of the whole plant is taken by women as medicinal tea or tonic for maintaining youthfulness, virility and as an aphrodisiac.

Nowadays, the *F. deltoidea* herb is recognised for its health benefits and medicinal value. In a few studies, this *Ficus* species showed other medicinal properties such as being anti-inflammatory, anti-bacterial, anti-diarrhoea and anti-ulcer. *Ficus deltoidea* also has antioxidant properties. It is also a potential alternative medicine for diabetes mellitus and a future oral anti-diabetic agent. Besides, the plant also helps to assist the effectiveness of vitamin C in controlling nitric oxide and blood circulation. *Ficus deltoidea* tea has high potential in reducing total cholesterol, LDL-cholesterol and the risk of cardiovascular disease. For this purpose, it is currently commercialised and marketed in the form of dried and powdered leaves, stems, roots and fruits, as an ingredient in bottled drinks or mixed with other beverages such as coffee. This product is used widely and the demand for the fresh yield of *Ficus* is high with an increasing number of users around the world.

Morphological Phylogenetic of *Ficus deltoidea*

The plant is usually recognised by the presence of golden dots on the upper surface of the lamina, dichotomous midrib, unique fig (syconia) with flowers hidden inside the syconia, leafy twigs and the milky juice. The pioneer taxonomist in publishing a well-documented work about *F. deltoidea* is Corner (1969), who had grouped *F. deltoidea* from Southeast Asia into 13 varieties, with seven of them being found in Peninsular Malaysia

(Table 1). The size and shape of leaves and figs are locally used to recognise and group the varieties. Each variety does have its own identity. However, some of varieties share similar leaf characteristics and some of them show intermediate

leaf characteristics due to heterophylly (Nashriyah et al., 2012). The overlapping morphological characters lead to confusion in identifying the varieties of *F. deltoidea* (Table 1).

Table 1: Seven varieties of *Ficus deltoidea* in Peninsular Malaysia


Variety	Leaves	Syconium
<i>trengganuensis</i>		
<i>bilobata</i>		
<i>motleyana</i>		
<i>angustifolia</i>		
<i>intermedia</i>		
<i>deltoidea</i>		
<i>kunstleri</i>		
<i>kunstleri</i>		



Molecular Phylogenetic of *Ficus deltoidea*

Molecular systematic based on DNA sequence is a suggested better approach instead of morphological variation alone. This is because leaf morphology can be influenced by environmental changes. In addition, DNA nucleotide sequence is a favourable resource because it is able to produce a congruent phylogeny result without any influence by nature or even nutrient uptake. Current molecular study is based on the combination data of ITS, ETS and *G3pdh* sequences indicate that *F. deltoidea* varieties are a monophyletic taxa. However, the classification of five accessions of var. *bilobata* (Fig. 2) is still debated since the leaf texture and morphology of some accessions are almost similar to var. *trengganuensis*. Therefore, further study in molecular phylogenetic had been done which reaffirmed that all of the accessions belong to var. *bilobata* even though morphologically, FD335 accession is almost similar to var. *trengganuensis*.

Figure 2: Five accessions of *Ficus deltoidea* var. *bilobata* with respect to leaf size



Biological Activity of *Ficus deltoidea*

Ficus deltoidea is used traditionally to treat various kinds of ailments. The seven varieties of *F. deltoidea* (Table 1) had been screened for anti-diabetic and antioxidant activities. Interestingly, the results show that all varieties possess different biological activities, thus a comparison of product quality between varieties can be made. This is very important in formulated product because usually the product was formulated from several varieties and accurate plant identification becomes undeniably critical for the quality control purposes. The biological activity of var. *bilobata* is not similar or even close to var. *trengganuensis* even though morphologically, they are almost similar. The var. *trengganuensis* was a more effective α -glucosidase inhibitor compared to var. *bilobata*. Finally, new and further studies or tests are still going on in order to identify, conserve, propagate and mass produce the identified elite plants.

Ke Arah Membumikan Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, PhD

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Emel: wanfirdaus@unisza.edu.my

Pengenalan

Perkembangan kajian-kajian berkaitan Islam merupakan satu fenomena pada masa kini. Kajian-kajian yang dilakukan cuba meneliti pelbagai aspek kehidupan melalui perspektif Islam. Ini termasuklah dalam bidang ekonomi, sosial, pengurusan dan sebagainya. Menurut sebahagian pengkaji, perkara ini merupakan antara kesan sampingan daripada revolusi Iran pada tahun 1979, pengeboman Pusat Perniagaan Dunia di New York pada tahun 2001 dan kemunculan Arab Spring pada tahun 2010 (Muhammad Syukri Salleh 2015). Kebanyakan penyelidikan berkaitan Islam termasuk penyelidikan dalam bidang pengajian Islam dan penyelidikan yang berteraskan Islam menggunakan kaedah penyelidikan yang dominan pada masa kini iaitu kaedah penyelidikan lazim (Fadzila Azni Ahmad 2015). Kaedah penyelidikan lazim ini dipakai secara meluas oleh penyelidik dalam hampir setiap bidang penyelidikan termasuklah bidang-bidang berkaitan Islam. Kajian ini diumpamakan oleh Muhammad Syukri Salleh (2008) seperti kajian oleh orientalis yang mengkaji berkaitan Islam, tetapi menggunakan kerangka lazim. Perkara ini disokong oleh Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002:2) yang menyatakan keperluan untuk menyediakan suatu bentuk metodologi penyelidikan hukum Islam yang terkini boleh dikatakan agak mendesak untuk zaman moden ini. Persoalannya, apakah kaedah penyelidikan lazim ini sesuai untuk digunakan dalam penyelidikan berteraskan Islam atau penyelidikan dalam bidang pengajian Islam? Selain itu, adakah kaedah penyelidikan lazim mempunyai epistemologi, falsafah dan instrumen analisis yang mencukupi untuk menyelidik dan mengemukakan penyelesaian secara Islam? Namun, persoalan lain yang turut timbul ialah sekiranya ingin menggunakan kaedah penyelidikan berteraskan Islam, adakah telah wujud kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini? Jika ada, apakah kedudukan terkini metodologi penelitian Islam ini?

Al-Buti (1990:59-60) menjelaskan umat Islam masa kini tidak perlu mencari kaedah ilmu pengetahuan yang sebenar. Kaedah-kaedah ini telah disusun oleh para sarjana Islam pada zaman keemasan Islam sejak berabad lamanya. Namun, ia perlu diperkemas agar dapat diaplikasikan kembali pada masa kini sekurangnya dua cara iaitu memperkemas kembali kaedah tersebut agar menjadi lebih mudah dan dalam gaya bahasa yang sesuai.

Menurut Louay Safi (1998), walaupun al-turut menyokong perkara ini dengan menyatakan telah

terdapat satu sistem yang lengkap telah wujud berabad lamanya dalam Islam. Kaedah-kaedah ini disebut sebagai ilmu Islam klasik seperti ilmu Usul al-Fiqh. Beliau menyatakan keperluan kaedah-kaedah klasik ini disusun kembali untuk diaplikasi dalam kaedah penyelidikan terutama kajian yang berteraskan Islam pada masa kini. Ini merupakan satu tinggalan ilmu Islam yang sangat penting untuk digilap dan diperkenalkan semula.

Ibn Khaldun (1999:222) dan Muhammad Abu Zahrah (1978:188) menyatakan Imam al-Syafi'i merupakan pelopor dalam merumuskan ilmu Usul al-Fiqh. Kitab pertama dalam ilmu Usul al-Fiqh yang berjudul al-Risalah merupakan bukti kepada penulisan beliau. Kitab ini banyak membincangkan kaedah-kaedah penentuan hukum melalui analisis kepada nas-nas syarak seperti al-Qur'an dan al-Sunnah mahupun realiti semasa. Kitab ini merupakan perintis kepada perkembangan ilmu Usul al-Fiqh dalam sejarah penentuan hukum.

Menurut Mohd Shukri Hanapi (2015), ilmuan Islam telah menggunakan pelbagai kaedah khusus dalam menjalankan penyelidikan terhadap bidang-bidang Islam seperti akidah, fiqh, tasawuf, tafsir, hadith, falak, falsafah dan sebagainya. Kaedah-kaedah tersebut dibina berasaskan tradisi pemikiran mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan metode penelitian tersebut masih belum dikaji oleh para pengkaji untuk diaplikasikan sebagai kaedah penyelidikan Islam.

Keperluan Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

Keperluan dalam mencari alternatif terhadap kaedah penyelidikan lazim adalah kerana wujud kekurangan dalam kaedah penyelidikan tersebut. Kekurangan yang dimaksudkan dalam kaedah penyelidikan sosial seperti perbezaan epistemologi dan falsafah kaedah penyelidikan sosial dengan kaedah penyelidikan Islam. Epistemologi dan falsafah Barat misalnya berasaskan pemikiran dan fakta yang dapat diukur dengan pancaindera semata-mata, berbeza dengan epistemologi dan falsafah Islam yang berasaskan sumber Islam seperti al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas (Muhammad Syukri Salleh 2008, 135). Perbezaan epistemologi ini akan mempengaruhi persepsi dan pengetahuan penyelidik. Persoalannya, tidakkah perbezaan epistemologi dan falsafah ini akan mempengaruhi dapatan sesuatu penyelidikan?

Menurut Muhammad Syukri Salleh (2008, 138) lagi, kaedah-kaedah penyelidikan lazim membahayakan

akidah penyelidik dengan menyisihkan agama atau teologi daripada pengamatan realiti sosial. Ini merupakan satu daripada paradigma positivisme yang digunakan dalam penyelidikan hari ini. Auguste Comte merupakan individu yang memperkenalkan paradigma positivisme dalam penyelidikan sains sosial. Paradigma positivisme ini menafikan kewujudan alam metafizik atau alam ghaib yang berasaskan dalil-dalil naqli seperti yang dinyatakan dalam Islam. Paradigma ini juga mementingkan aspek empirikal pada dasarnya (Howell 2013, 40). Menurut Mohd Zuhdi Marsuki (2000, 278), lebih membimbangkan apabila paradigma ini menjadi suatu paradigma yang paling dominan dalam penyelidikan masa kini. Ini menyebabkan fenomena-fenomena dalam terutama alam ghaib dinafikan kewujudannya kerana tidak dapat diukur dengan aspek empirikal dan pancaindera.

Walau bagaimanapun, terdapat juga paradigma lain yang cuba menafikan paradigma positivisme dalam penyelidikan. Ini dibuktikan dengan kemunculan beberapa paradigma anti-positivisme antaranya paradigma realisme saintifik. Menurut Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin dan Blaikie (2006, 79-81 & 140), paradigma ini diasaskan oleh Roy Bhaskar yang mendakwa terdapat tiga medan realiti dalam penyelidikan iaitu medan empirikal, medan aktual dan medan hakiki. Sekali imbas, paradigma realisme saintifik dapat diaplikasi dan seakan-akan berhubung kait dengan perkara-perkara ghaib dalam Islam. Namun, secara hakikatnya, falsafah sebenar paradigma ini adalah berkenaan dengan fenomena yang tidak dapat diukur dengan jelas, namun dapat dilihat kesannya (McNeill & Chapman 2005, 180).

Paradigma lain yang dilihat sedikit berhubung kait dengan fenomena dalam Islam ialah paradigma interpretivisme. Paradigma ini berpendapat bahawa kajian terhadap manusia tidak dapat merungkai realiti sebenar jika dikaji pada zahirnya sahaja (Blaikie 2006, 115). Pendekatan yang digunakan dalam paradigma ini adalah untuk membuat penafsiran motif manusia melalui alat analisis hermeneutik (Neuman 2011, 101). Walau bagaimanapun, menurut Ezzy (2002, 24), alat analisis hermeneutik yang digunakan dalam paradigma ini berasal daripada kaedah ahli teologi Kristian bagi menafsirkan kitab Bible. Oleh yang demikian, timbul persoalan, adakah alat analisis berasaskan tasawur agama Kristian sesuai untuk mengkaji Islam dan orang Islam? Perkara ini dibangkang oleh Muhammad Syukri Salleh (2008, 135) yang menyatakan penyelidikan berteraskan Islam perlu dibina berasaskan epistemologi dan tasawur Islam.

Selain daripada itu, kaedah penyelidikan lazim juga berteraskan kepada pendekatan *value-free* (bebas nilai) dalam penyelidikan (Muhammad Syukri Salleh 2008, 138; Asad Zaman 2014, 6). Pendekatan ini menafikan agama daripada pengamatan realiti sosial sedangkan

agama merupakan pengukur kepada sesuatu realiti sosial. Max Weber merupakan individu yang bertanggung jawab memperkenalkan pendekatan bebas nilai ini (Babbie 2013, 46). Menurut Lincoln dan Guba (1985, 300), pendekatan ini adalah berasaskan ciri saintifik yang mementingkan objektiviti dalam sesuatu penyelidikan. Persoalannya, adakah nilai-nilai seperti nilai agama akan menjejaskan objektiviti fakta yang akan diperoleh oleh seseorang penyelidik terutama penyelidik Islam? Perkara ini bertentangan sama sekali dengan pendekatan ilmu Islam yang bersumberkan wahyu dan bersifat rabbani merupakan sistem nilai yang mutlak (Haron Din 2008).

Berdasarkan isu-isu yang dinyatakan sebelum ini, keperluan kepada kaedah penyelidikan berteraskan Islam adalah suatu perkara yang mendesak. Perkara ini diperlukan terutama kepada penyelidikan-penyelidikan berkaitan Islam dan orang Islam.

Kedudukan Terkini Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam

Kesedaran kepada perlunya kaedah penyelidikan berteraskan Islam sudah bermula sejak tahun 1950-an lagi, khususnya melalui artikel-artikel yang diterbitkan dalam *Islamic Research Circle Bulletin* di Aligarh, India (Muhammad Syukri Salleh 2008, 139). Namun begitu, sehingga hari ini, kajian-kajian berkaitan kaedah penyelidikan berteraskan Islam masih berada pada peringkat awal pembinaan. Kesedaran tentang pentingnya kaedah penyelidikan berteraskan Islam ini dibina kelihatan sehingga ia mula dibincangkan secara serius dalam tesis-tesis, artikel-artikel, kertas-kertas kerja mahupun seminar khusus berkaitan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Pembinaan kaedah penyelidikan Islam ini boleh dikategorikan kepada dua. Pertama, pembinaan dari sudut konsep-konsep asas dan kedua, pembinaan dari



sudut operasional.

Kajian-kajian yang membahas tentang konsep-konsep asas dalam kaedah penyelidikan berteraskan Islam antaranya ialah kajian tentang konsep penyelidikan saintifik oleh Muhammad Mumtaz Ali (1994), Rais Ahmad (1999) dan Mohd Syahmir Alias (2014); konsep asas statistik oleh Alizi Alias (2005) dan Nur Ilani Mat Nawawi (2012); konsep indikator penentusahan data oleh Nor Hanani Ismail (2014); konsep teknik pemerhatian oleh Fatan Hamamah Yahaya (2008); konsep penyelidikan ekonomi Islam oleh Khurshid Ahmad (1995), Mohammad Anwar (1999) dan Nur Aini Muhamed dan Mustafa Che Omar (2009) dan konsep integrasi penyelidikan sains sosial oleh Louay Safi (1998).

Kajian-kajian di peringkat konsep ini kemudiannya membawa kepada penyelidikan-penyelidikan di peringkat operasional. Sehingga kini, terdapat tiga kaedah penyelidikan berteraskan Islam yang telah dilaksanakan sehingga peringkat operasional. Operasional bermaksud kaedah tersebut sudah sedia untuk digunakan dalam penyelidikan. Kajian-kajian peringkat operasional ini dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, kajian yang mengkhususkan kepada proses penyelidikan oleh Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) dan Shahir Akram Hassan (2014). Kedua, kaedah pengumpulan data oleh Shahir Akram Hassan (2013) dan Zahri Hamat dan Zul-kifli Hussin (2008). Ketiga, kaedah penganalisan data oleh Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014), Shahir Akram Hassan (2014) dan Mohd Shukri Hanapi (2014).

Dalam kategori pertama iaitu proses penyelidikan, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014) telah meneliti proses penfatwaan untuk diaplikasi sebagai suatu proses penyelidikan berteraskan Islam. Beliau mendapati terdapat empat peringkat dalam proses penfatwaan dengan teknik-teknik tertentu yang bersesuaian untuk digunakan dalam penyelidikan Islam. Pertama, *al-taswir* iaitu peringkat menentukan masalah kajian. Kedua, *al-takyif* iaitu peringkat melihat kajian-kajian lepas. Ketiga, *al-hukm* iaitu peringkat pengumpulan dan penganalisan data. Keempat, *al-ifta'* iaitu peringkat perumusan kajian. Manakala Shahir Akram Hassan (2014) pula meneliti

aplikasi kaedah penaakulan mantik sebagai proses penaakulan dalam penyelidikan Islam. Dapatan kajian ini mendapati terdapat tiga strategi penyelidikan yang boleh diaplikasi berdasarkan ilmu mantik. Pertama, strategi kaedah *istiqla'* yang menyerupai kaedah induktif. Kedua, strategi kaedah qiyas yang mempunyai persamaan dengan kaedah deduktif. Ketiga, strategi kaedah *tamthil* yang tidak pernah digunakan dalam kaedah penyelidikan lazim.

Bagi kategori kedua pula iaitu kaedah pengumpulan data, Zahri Hamat dan Zul-kifli Hussin (2008) dan Shahir Akram Hassan (2013) kedua-duanya telah meneliti kekuatan ilmu hadis untuk melihat aplikasinya sebagai kaedah pengumpulan data. Zahri Hamat dan Zul-kifli Hussin (2008) meninjau kualiti responden dalam pengumpulan data primer melalui proses soal selidik. Dalam kajian ini, kualiti responden dalam periwayatan hadis dibahagikan kepada tiga kriteria. Pertama, bersambung sanadnya (rantai perawi). Kedua, bersifat adil. Ketiga, bersifat *dabit* (kuat ingatan). Selain daripada tiga kriteria ini, Shahir Akram Hassan (2013, 96) menambah dua lagi kriteria dalam memilih kualiti responden. Kriteria tambahan itu ialah periwayat yang *thiqah* (bebas daripada pertentangan) dan *illah* (bebas daripada kecacatan). Mereka mendapati kebolehpercayaan yang tinggi dapat diperoleh sekiranya pengaplikasian kaedah pengumpulan data melalui kaedah periwayatan hadith.

Bagi kategori ketiga iaitu kaedah penganalisan data, terdapat tiga kajian yang telah mencapai peringkat operasional dalam pembinaan kaedah penyelidikan berteraskan Islam. Kajian tersebut ialah kajian oleh Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014), Shahir Akram Hassan (2014) dan Mohd Shukri Hanapi (2014). Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014) telah meneliti kaedah *dilalah* (pengarahan makna) untuk melihat kesesuaiannya sebagai kaedah analisis tekstual. Beliau mendapati kaedah *dilalah* mempunyai skop analisis teks yang luas berbanding kaedah penyelidikan lazim melalui tiga elemen. Pertama, *mafhum muwafaqah* iaitu penganalisan data daripada teks yang boleh difahami secara tersurat dan tersirat. Kedua, *mafhum mukhalafah* iaitu keselarian penganalisan data dalam teks tersirat dan teks tersurat. Ketiga, *mantuq* iaitu penganalisan terhadap data yang jelas.

Mohd Shukri Hanapi (2014) pula meneliti kaedah tafsir *al-mawdu'iy* dalam kaedah tafsir al-Quran sebagai suatu kaedah menganalisis teks secara tematik. Beliau mendapati terdapat lima langkah dalam menganalisis teks secara *al-mawdu'iy*. Pertama, penentuan tema. Kedua, pembahagian teks mengikut tema. Ketiga, pengorganisasian wacana mengikut urutan seperti tajuk, subtajuk dan sebagainya. Keempat, penganalisan berdasarkan autoriti sumber rujukan. Kelima, perumusan analisis. Manakala Shahir Akram Hassan (2014) turut menyentuh sedikit berkaitan analisis data dengan

mencadangkan pengaplikasian kaedah *tasdiq* dalam proses penyelidikan untuk membentuk tanggapan awal sesuatu kajian. Hal ini kerana, *tasdiq* dapat membentuk analisis berdasarkan *qadiyyah* (proposisi) yang terdapat dalam penyelidikan.

Perbincangan tentang kedudukan terkini kaedah penyelidikan berteraskan Islam peringkat operasional digambarkan dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam Peringkat Operasional

Bil	Kategori	Penyelidik	Tajuk Kajian
1.	Proses Penyelidikan	Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin (2014)	Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam
		Shahir Akram Hassan (2014)	Aplikasi Kaedah Penaakulan Mantik dalam Penyelidikan Berkaitan Islam
2.	Kaedah Pengumpulan Data	Shahir Akram Hassan (2013)	Penerapan Kaedah Pengumpulan Hadis dalam Penyelidikan
		Zahri Hamat dan Zul-kifli Hussin (2008)	Kualiti Responden dalam Penyelidikan: Tinjauan Awal Kes Perwayatan Hadis
3.	Kaedah Penganalisisan Data	Mohd Syahmi Mohd Miswan (2014)	Dilalah dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam
		Shahir Akram Hassan (2014)	Aplikasi Kaedah Penaakulan Mantik dalam Penyelidikan Berkaitan Islam
		Mohd Shukri Hanapi (2014)	Aplikasi Kaedah Mufassirin dalam Penganalisisan Data Penyelidikan Berkaitan Islam

Kesimpulan

Pembinaan kaedah penyelidikan berteraskan Islam merupakan satu keperluan. Ini kerana, kaedah penyelidikan lazim sedia ada tidak sesuai untuk dijadikan kerangka penyelidikan tentang Islam. Walaupun kajian dan karya mengenai kaedah ini mula bertambah dari segi kuantiti, namun menurut Muhammad Syukri Salleh (2011, 7), ia masih belum mencukupi untuk membina kaedah penyelidikan berteraskan Islam yang komprehensif. Ini kerana kebanyakan karya yang dihasilkan tidak mendalam dan tiada kajian lanjutan agar dapat membina kaedah yang konkrit dan definitif.

Oleh yang demikian, usaha untuk membina kaedah penyelidikan berteraskan Islam adalah satu keperluan. Ini termasuklah kajian-kajian yang lebih mendalam serta pengaplikasiannya di peringkat lapangan penyelidikan sebenar. Diharapkan pada masa hadapan, satu kaedah penyelidikan berteraskan Islam yang lengkap akan terbina dan dapat digunakan dalam penyelidikan-penyelidikan terutama berkaitan Islam dan orang Islam.

Rujukan

- Al-Buti, Muhammad Sa'id. 1990. "Azmat al-Ma'rifah wa 'Ilajuh fi Hayatina al-Fikr al-Mu'asirah", dalam *al-Manhajiyah al-Islamiyyah wa al-'Ulum al-Sulukiyyah wa al-Tarbawiyah*. Jordan: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Asad Zaman. 2014. "An Islamic Approach to Humanities", *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, Jld. 27, Bil. 2, h;m. 3-27.
- Babbie, Earl. 2013. *The Practice of Social Research. (13th Edition)*. United State of America: Wadsworth Cengage Learning.
- Blaikie, Norman. 2000. *Designing Social Research: The Logic of Anticipation*. Cambridge: Polity Press.
- Ezzy, Douglas. 2002. *Qualitative Analysis: Practice and Innovation*. London: Routledge.
- Fadzila Azni Ahmad. 2015. "Tasawur Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam", kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Development-2 (KIPI-2), anjuran Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Jember, Indonesia, bertempat di Universitas Jember, Indonesia, pada 8-10 September 2015.
- Haron Din. 2007. *Islam: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Howell, Kerry E. 2013. *An Introduction to the Philosophy of Methodology*. London: Sage Publication.
- Ibn Khaldun. 1999. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Lincoln, Yvonna S. & Guba, Egon G. 1985. *Naturalistic Inquiry*. California: SAGE Publications.

- Louay Safi. 1998. *Asas Ilmu Pengetahuan*, terj. Nur Hadi Ihsan. Petaling Jaya: Thinker's Library.
- Mohd Shukri Hanapi. 2014. "Aplikasi Kaedah Mufasssirin dalam Penganalisisan Data Penyelidikan Berkaitan Islam", kertas kerja yang dibentangkan dalam *The 7th ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC2013): Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam anjuran Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam*, Universiti Sains Malaysia, 9-10 Disember. Tidak diterbitkan.
- Mohd Shukri Hanapi. 2015. "Tradisi Pemikiran Islam Dalam Metode Penelitian: Tumpuan Khusus Terhadap Metode Hadith Al-Mawdu'", kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Development-2 (KIPI-2), anjuran Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Jember, Indonesia, bertempat di Universitas Jember, Indonesia, pada 8-10 September 2015.
- Mohd Syahmi Mohd Miswan. 2014. *Dilalah dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd Syahmir Alias. 2014. *Konsep Saintifik dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Analisis Pemikiran Ibn al-Haytham*. Disertasi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Mohd Zuhdi Marsuki. 2000. "Pengajian Sains, Teknologi dan Masyarakat: Satu Pendekatan Bersepadu ke Arah Wawasan 2020", dlm. Abdul Latif Samian & Mohamad Sabri Haron (eds.). *Pengajian Umum di Alaf Baru*. Bangi, Selangor: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Abu Zahrah. 1978. *Al-Syafi'i*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Muhammad Syukri Salleh. 2008. "Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam: Keperluan, Kedudukan dan Hala Tuju", *Pemikir*, Bil. 54, hlm. 133-164.
- Muhammad Syukri Salleh. 2011. "Ke Arah Pembinaan Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam", dlm. Zakaria Bahari, Fadzila Azni Ahmad & Roselee Shah Shahrudin (eds.), *Pengurusan Ilmu, Ekonomi dan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. 2015. "Kedudukan Terkini Metodologi Penelitian Islami", kertas kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Islamic Development-2 (KIPI-2), anjuran Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Jember, Indonesia, bertempat di Universitas Jember, Indonesia, pada 8-10 September 2015.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. 2002. "Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini: Satu Pengenalan", *Jurnal Syariah*, Jld. 10, Bil. 1, hlm. 1-24.
- Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Blaikie, Norman. 2006. *Lima Falsafah Penyelidikan: Paradigma dan Strategi Penyelidikan untuk Sains Sosial dan Pengurusan (Edisi Kedua)*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- Reevany Bustami, Eleesya Nasruddin & Blaikie, Norman. 2006. *Lima Falsafah Penyelidikan: Paradigma dan Strategi Penyelidikan untuk Sains Sosial dan Pengurusan (Edisi Kedua)*. Pulau Pinang: KnowledgeCraftsmen.
- Shahir Akram Hassan. 2013. *Penerapan Kaedah Pengumpulan Hadith dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahir Akram Hassan. 2014. *Aplikasi Kaedah Penaakulan Mantik dalam Penyelidikan Berkaitan Islam. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam*, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin. 2014. *Aplikasi Proses Penfatwaan dalam Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Zahri Hamat & Zul-kifli Husin. 2008. "Kualiti Responden dalam Penyelidikan: Tinjauan Awal Kes Periwatan Hadith", kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pengurusan Pembangunan Islam II: Kaedah Penyelidikan Berteraskan Islam anjuran bersama Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 6 Februari. Tidak diterbitkan.

Tourism Communication Tools in Terengganu: An Endeavor Towards World Class Tourist Destination

By

Muhamad Fazil Ahmad, PhD
Fakulti Sains Sosial Gunaan
Emel: mfazilahmad@unisza.edu.my



Welcome to Terengganu and discover splendours of nature, the diversity of tradition and the fascination of heritage. Terengganu is truly a tropical gateway. In the land where nature embraces heritage, it will truly revitalise our senses. Terengganu has exotic islands, beaches, dazzling waterfalls, quaint fishing villages, lush virgin tropical jungle and many more splendours of nature. Miles and miles of white sandy beaches and crystal clear water stretches throughout its

244km coastline, extending from Kemaman in the south to Besut in the north. Terengganu islands are among the most picturesque and fascinating in the country. However, to market Terengganu tourism products, tourism communication tools should be designed to support the same overall objectives for the vision and mission of state tourism management. This is to avoid the creation of separate messages for each medium without regard for what is expressed through

other tools. The most important communication tools within the tourism industry are; advertising, direct marketing, personal selling, public relations, sales promotions and trade shows. In addition, several other communication tools exist, such as; the Internet, events and sponsorship, packaging, point of purchase, word of mouth and corporate identity. All these tools are further explained in the following sections below:

Advertising within the

tourism industry is one classic communication tool used by corporate communication managers as part of communication campaigns to develop awareness, understanding, interest and motivation amongst a targeted audience. Furthermore, advertising includes television, press, radio, outdoors as well as tourist board and other travel guides and brochures. Moreover, tourism organisations are constantly communicating, whether intentionally or unintentionally, through each personal and non-personal interaction with the public. A few examples of advertising media are as shown:

- TV presents an both audio and visual message requiring minimal exertion and is very adaptable. Although advertising is expensive, many tourism companies are using TV and find it very cost effective.
- Radio has outstanding flexibility and relatively low cost although it only presents an audio message. The radio has low attention, low reach with only sound and the message is short-lived.
- Newspapers give a comprehensive coverage of a local market area with low cost, although with low printing quality and short life. In addition, the advantage of using newspapers is that it is a selective medium with a production cost that could be very low with frequent publications and geographical selectivity made possible.
- The advantage of using magazines is that they are highly selective and that the production costs can be low as well. In addition they have print and graphic quality and large reach to specialised market segments.
- Directories are defined as the space where advertising is sold. It could be for example the yellow pages, association member lists, and the like. Their long life and that directories are actively searched and read is an advantage.
- Outdoor visuals include sandwich boards, skywriting, blimps and the

like. The outdoor advertisement includes billboards situated by the roadside, stations, and venues.

- Direct mail/direct communication includes letters, catalogues, price lists, booklets, circulars, newsletters, cards and samples.
- The Internet, including web pages and e-mail, has many advantages. For example, a message can be changed quickly and easily, interactivity is possible and the costs are very low. The disadvantages with the Internet are that the visual presentation is limited, an audience is not guaranteed and that hits may not represent interest.
- Personal selling is the most effective of the communication tools available to the tourism marketer; however, its costs per contact are high. It is defined by scholar as real-time, two-way personal communication between a salesperson and a prospective buyer and is the most persuasive of all marketing communication methods, to identify buyers' needs to the firm's product offerings, and to allow a seller to immediately respond to a buyer's questions and objections.
- However, several tools are used in today's public relations such as product publicity, press relations, corporate communications, lobbying, counseling, news conferences, company-sponsored events, open houses, plant tours and donations as well. Public relations is defined as programmes that focus on public opinions, and manage corporate communications and reputation.
- Sales promotion is tangible incentives such as coupons or discounted prices to give a sense of closeness and encourage behaviour. In addition, sales promotion includes techniques primarily designed to stimulate consumer purchasing, dealer and sales-force effectiveness in the short-term, through temporary incentives and displays.

- Trade shows can be recognised as periodic gatherings where manufacturers, suppliers, and distributors in a particular industry display their products and provide information to potential buyers, to provide information, demonstrate and sample products, as well as engaging in one-to-one dialogue with current and potential customers.
- Web sites link to other sites in the Internet. To sell directly to the customer through the Internet, providing customer-initiated marketing is known as E-commerce. Having a website is seen as necessary for no other reason than building a positive image and lack of it may convey a negative image.
- Events and sponsorship are highly targeted brand associations that personally involve prospects, to help position a brand by associating it with certain causes of activities. Sponsorship can also be defined as a kind of promotion where a product or a company is associated with an entity, event or activity. In exchange for its contribution the sponsor is hoped to be exposed in media coverage. Sponsorship is big business, used to attract potential sponsors by producing appropriate packages, achieving increased business through improved awareness that public relations coverage brings. Finding examples of sponsorship is not hard today since every sports team, music concert, and cultural program uses sponsoring as a way to finance their activities.

Thus, with these tourism communication tools, Terengganu might hold the charms and splendour from other states in Malaysia. Despite rapid development and modernisation, it is as if time has stood still as the state retains all the rustic and idyllic charms so different from other tourist destinations.







Sejenak Bersama Naib Canselor YBhg. Dato' Naib Canselor UniSZA

Tahniah diucapkan kepada YBhg. Dato' atas pelantikan sebagai Naib Canselor yang ketiga. Sidang editor Buletin UniSZA turut berterima kasih atas kesudian YBhg. Dato' untuk ditemu bual. Sebagai pembuka bicara, apakah pendekatan awal YBhg. Dato' dalam mnyempurnakan visi dan misi UniSZA bagi memartabatkan UniSZA sebagai Universiti terulung?

Pertama sekali saya merafakkan kesyukuran saya kepada Allah s.w.t., Tuhan Semesta Alam yang telah memberikan kepada saya ruang dan peluang untuk berada di sini. Sesungguhnya saya menyedari amanah yang diberikan kepada saya ini amat besar tanggungannya. Saya juga selalu mengingatkan diri saya bahawa amanah yang diberikan ini bukanlah sesuatu yang perlu saya banggakan tetapi merupakan suatu tanggungjawab yang perlu saya tanggung dan jawab di dunia dan juga di akhirat.

Apabila saya dimaklumkan berkenaan pelantikan saya sebagai Naib Canselor, perkara pertama yang terlintas difikiran saya ialah bagaimana ingin saya meneruskan legasi UniSZA dan membawa UniSZA menjadi sebuah Universiti Pilihan tersohor di persada dunia. Tambahan pula saya telah pun menjadi warga UniSZA sejak dari awal penubuhan, tentunya apa-apa yang dilalui oleh UniSZA semenjak proses peralihan KUSZA kepada Universiti Darul Iman Malaysia dan kemudian kepada Universiti Sultan Zainal Abidin dalam pengetahuan dan pemikiran saya.

Justeru itu, kedatangan saya sebagai Naib Canselor yang ketiga bukanlah bermaksud saya akan mengubah segalanya yang telah dirancang dan dibangunkan oleh dua orang Naib Canselor sebelum ini iaitu YBhg. Dato' Profesor Dr. Alias bin Daud dan juga Profesor Datuk Dr. Yahaya bin Ibrahim. Saya melihat kedua-dua Naib Canselor sebelum ini telah memainkan peranan yang sangat besar serta memberikan sumbangan bermakna demi kelestarian UniSZA. Tugas saya sekarang ialah bagaimana saya ingin membawa UniSZA untuk terus maju berkembang dengan sedikit proses transformasi yang akan saya lakukan bersama-sama warga UniSZA.

Antara pendekatan awal yang saya telah dan akan gunakan dalam menggerakkan UniSZA menuju kepada Universiti Pilihan Tersohor Persada Dunia sebagaimana dinyatakan dalam visi UniSZA. Pertamanya ialah saya ingin mengembalikan kegemilangan

institusi KUSZA yang seketika dulu terkenal di seantero Asia Tenggara dan dunia dengan membina semula identiti KUSZA yang masih relevan dan diterapkan dalam budaya UniSZA yang baharu. Kedua, idea dan perancangan kedua-dua mantan Naib Canselor sebelum ini akan saya gembelngkan bersama idea baharu bagi memastikan kelestarian UniSZA dapat diteruskan. Ketiga, konsep Pengurusan UniSZA yang baharu memberi penekanan terhadap ilmu dan akhlak. Konsep ini akan dikembangkan merentasi semua aspek di UniSZA bermula dengan pengajaran dan pembelajaran, struktur akademik, pembangunan staf, pembangunan holistik pelajar dan juga persekitaran kampus. Ini bermakna konsep Ilmu dan Akhlak ini akan dizahirkan melalui kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar, sikap staf dan pelajar serta persekitaran yang menyuburkannya. Pendekatan awal yang keempat yang saya telah buat dan dalam proses iaitu menjadikan warga UniSZA yang terdiri daripada para Pensyarah, Pegawai Pentadbir, Staf Pelaksana, Mahasiswa dan Mahasiswi serta pekerja-pekerja kontrak yang bekerja di dalam kampus merasakan UniSZA adalah sebahagian daripada mereka. Kita akan mencari langkah dan medium bagi meningkatkan perasaan 'sense of belonging' dalam kalangan warga UniSZA.

Selain itu juga, saya sedang memfokuskan khususnya kepada semua Ketua Pusat Tanggungjawab untuk memahami hasrat YB Menteri Pendidikan Tinggi dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan. Seharusnya warga UniSZA menghadam sepenuhnya 10 Tonggak yang diketengahkan dalam PPPM(PT).

Apakah perancangan YBhg. Dato' dalam usaha untuk meningkatkan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di UniSZA serta apakah langkah-langkah yang dicadangkan bagi memperkukuhkan hubungan antarabangsa UniSZA dengan universiti luar negara?

Sekiranya kita melihat kepada Tonggak ke-8 dalam PPPM(PT) iaitu Keunggulan Global, pihak KPT berhasrat untuk menyediakan tempat pendidikan kepada 250,000 orang pelajar antarabangsa menjelang 2025 dan UniSZA adalah sebahagian daripadanya. Dalam aspek meningkatkan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di UniSZA, saya penuh yakin bahawa aspirasi dan perancangan dalam Pelan Strategik UniSZA 2015-2020 telah disusun rapi dan perlu diteruskan sejajar dengan PPPM(PT) 2015-2025.

Terdapat dua tindakan atau langkah utama bagi memastikan matlamat ini tercapai iaitu pertama aspek kesediaan UniSZA dan yang kedua ialah aspek meletakkan UniSZA pada peringkat antarabangsa. Untuk aspek kesediaan UniSZA dalam meningkatkan enrolmen pelajar antarabangsa, UniSZA perlu memastikan kita sudah bersedia dengan mantap dalam semua perkara seperti kepakaran tenaga akademik antarabangsa di fakulti, fasiliti bertaraf antarabangsa, penggunaan dwi atau tri bahasa dalam semua urusan atau papan tanda, proses pengambilan pelajar antarabangsa yang bersifat mudah dan akhir sekali menawarkan program-program yang menarik untuk pelajar antarabangsa. Kesediaan pada peringkat dalaman ini amat penting agar mereka yang datang belajar di UniSZA akan mempunyai 'experiential learning' yang sangat menarik yang akhirnya mereka pula akan menjadi duta

UniSZA di luar negara sekali gus membawa pelajar baharu ke UniSZA.

Dalam masa sama, kita juga perlu bergerak seiring dalam aspek meletakkan UniSZA di peringkat antarabangsa atau dengan maksud lain, agenda mempromosi, memasar dan mempublikasikan UniSZA di arena antarabangsa diperhebat. Saya berpendapat bahawa dua hal yang perlu memainkan peranan iaitu ahli akademik itu sendiri dan yang kedua UniSZA sebagai institusi. Kepakaran ahli akademik yang membawa nama UniSZA perlu dikembangkan luas ke peringkat global melalui pelbagai kaedah seperti dengan menganggotai organisasi/persatuan antarabangsa, menyertai program mobiliti staf dengan institusi antarabangsa, menjadi Profesor Pelawat di universiti luar negara dan membentangkan kertas atau kajian di persidangan antarabangsa serta memenangi pertandingan inovasi global. Strategi ini memusatkan kepada kebolehan dan kompetensi para akademik UniSZA dan saya sangat yakin akan kemampuan mereka.

Manakala bagi strategi kedua iaitu bagaimana kaedah untuk menampakkan kewujudan UniSZA pada peringkat global. Banyak kaedah yang akan kita telah dan akan buat bagi tujuan ini. Antaranya ialah dengan meningkatkan hubungan melalui proses menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) ataupun Memorandum Perjanjian (MoA). Sehingga April 2016, UniSZA telah menandatangani sebanyak 110 MoU dan 7 MoA dengan pelbagai universiti luar negara dan juga pihak industri sejak tahun 2010. Ini menunjukkan UniSZA sebenarnya sudah mula bertapak pada peringkat global. Cuma cabaran seterusnya bagaimana semua MoU dan MoA yang telah ditandatangani ini dapat memanfaatkan UniSZA dan warganya. Saya menjangkakan pada

tahun ini, UniSZA akan menubuhkan satu jawatankuasa khas di bawah Pejabat Naib Canselor yang berfungsi sebagai badan pemantau untuk memastikan aktiviti MoU dan MoA yang ditandatangani berjalan dengan baik bersama universiti luar negara. Selain itu juga, UniSZA juga akan mulakan proses bagi mendapatkan pengiktirafan program akademik dan juga penarafan antarabangsa sebagaimana Universiti Awam yang lain. Ini sekali gus akan membolehkan UniSZA memperbaiki kedudukan di persada antarabangsa.

Rakan-rakan institusi pendidikan tinggi khususnya di Asia Tenggara perlu kita beri perhatian yang lebih kerana jenama UniSZA sudah terbina khususnya di Indonesia dan juga Thailand. Jaringan kerjasama yang telah lama kita bina harus kita perkukuhkan dengan mempelbagaikan lagi aktiviti seperti mobiliti pelajar, mobiliti staf, penyelidikan bersama, penganjuran seminar antarabangsa bersama dan mungkin penajaan pendapatan bersama.

Apakah strategi YBhg. Dato' bagi memastikan kemudahan infrastruktur UniSZA disediakan secara optimum untuk kemudahan dan kebajikan pelajar khususnya dan kakitangan amnya?

Sebagaimana kita semua maklum, aspek kemudahan infrastruktur merupakan nadi sokongan yang terpenting dalam memastikan fungsi sebuah universiti berjalan dengan sempurna. Tanpa fasiliti yang kondusif, mustahil kita dapat bersaing dengan universiti yang lain serta menarik minat pelajar cermerlang dalam dan juga luar negara untuk belajar di UniSZA. Aspek kemudahan infrastruktur amat saya pentingkan dan ikrar saya, saya akan pastikan ia dapat disediakan secara optimum demi kemudahan dan kebajikan warga UniSZA dan

juga keselesaan tetamu kita.

Pemeriksaan secara berkala akan dibuat oleh jawatankuasa yang dilantik terdiri daripada ahli Pengurusan Tertinggi, Wakil Persatuan Staf dan Wakil Pelajar. Jawatankuasa ini akan berfungsi sebagai 'mata helang' atau 'eagle eye' kepada saya bagi memantau tahap kepuasan kemudahan infrastruktur di UniSZA. Segala laporan yang diberikan akan disalurkan kepada pihak berwajib secara terus dengan salinan kepada saya. Saya juga menjangkakan Pengarah Jabatan Pengurusan Pembangunan akan melaporkan perkembangan dan status tindakan yang telah diambil. Saya percaya dengan tindakan ini, ia akan mengurangkan karenah birokrasi dan kelambatan dalam tindakan. Jawatankuasa ini juga bukan sekadar melaporkan kerosakan atau kekurangan, malahan mereka turut bertanggungjawab dalam memberi idea-idea penambahbaikan.

Pembinaan kemudahan infrastruktur yang baharu juga perlu mengambil kira konsep Ilmu dan Akhlak. Maksud saya konsep pembinaan, bentuk dan seni ukir pada bangunan atau struktur yang dibina melambangkan ilmu dan akhlak. Setiap warga dan tetamu yang datang ke UniSZA akan mengalami pengalaman yang menarik dengan melihat ciri-ciri bangunan di UniSZA yang seragam dan mempunyai makna sendiri. Walaupun impian saya ini nampak agak mustahil untuk direalisasikan tetapi bagi saya UniSZA sebagai sebuah universiti wajib mempunyai identiti tersendiri.

Pembangunan kampus UniSZA akan memfokuskan kepada kemudahan dan kebajikan warga UniSZA khususnya kepada pelajar. Persekitaran dan kemudahan mesti seiring dengan pembangunan mahasiswa. Manakan mampu kita mengimpikan warga UniSZA bertaraf

dunia sedangkan kemudahan masih bertaraf kampung. Inilah cabaran yang saya bersama Pengurusan Universiti perlu memikirkan strategi dan kaedah yang terbaik. Demi kesejahteraan dan kesihatan warga kampus, saya juga akan menjadikan semua kampus UniSZA menjadi Kampus Bebas Asap Rokok. Saya mengharapkan Kampus Gong Badak akan menjadi kampus contoh bagi kempen ini dan dengan kerjasama Jabatan Keselamatan UniSZA, kita akan mengambil tindakan kepada mereka yang melanggar peraturan ini. UniSZA bukanlah kampus pertama di Malaysia yang melaksanakan kempen ini.

Semoga usaha-usaha ini bukan sekadar memberi kemudahan secara optimum kepada warga UniSZA, malah saya mengharapkan ia akan membantu warga UniSZA untuk menghayati perasaan kasih dan sayang antara warga, serta meningkatkan 'sense of belonging' dalam kalangan warga.

YBhg. Dato' mempunyai pengalaman yang luas serta sangat aktif bergiat dalam Majlis Profesor Negara. Bagaimanakah YBhg. Dato' menggunakan pengalaman tersebut dalam melihat peranan yang dimainkan UniSZA sebagai universiti komuniti?

Majlis Profesor Negara (MPN) telah ditubuhkan sejak tahun 2010 dan saya mula terlibat secara aktif mulai tahun 2010 sebagai Timbalan Ketua Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan. Sepanjang 6 tahun saya bergiat aktif dalam MPN, banyak perkara yang saya pelajari dan jaringan yang terbina sama ada sesama Profesor yang menjadi ahli MPN mahupun melalui program-program kemasyarakatan yang dianjurkan. Antara perkara yang paling besar yang boleh saya bawa ke UniSZA ialah di MPN, mereka sanggup bekerja dan berkhidmat merentasi perbezaan negeri

ataupun tahap pendidikan. Seorang Profesor senior boleh turun bersama komuniti tidak kira peringkat untuk berkongsi ilmu dan pengalaman. Ini menandakan mereka sanggup untuk membuang 'topi' Profesor apabila mereka bersama dengan komuniti.

Saya mengimpikan warga UniSZA khususnya para akademik untuk mengetepikan perbezaan sesama warga tidak kira aspek negeri, agama ataupun bangsa apabila kita berkhidmat di UniSZA. Para pensyarah di UniSZA perlu meraikan perbezaan dan mencari kesamaan antara sesama pensyarah. Yang paling penting ialah kita harus bersatu membantu UniSZA mencapai visi dan misinya. Jiwa tolenrasi yang kuat dalam kalangan anggota MPN juga boleh dijadikan contoh kepada warga UniSZA kerana ia merupakan tonggak dalam menggerakkan sesebuah organisasi.

Pada bulan pertama saya dilantik menjadi Naib Canselor, saya telah mewujudkan MPN Kluster UniSZA yang diketuai Profesor Dr. Ahmad Shukri bin Yazid. Kewujudan MPN Kluster UniSZA bertujuan untuk memberi peluang warga UniSZA mempunyai jaringan langsung dengan MPN serta medan untuk melatih pemimpin muda di UniSZA.

Apakah nasihat dan harapan YBhg. Dato' kepada semua kakitangan dan pelajar UniSZA sebagai Naib Canselor UniSZA yang ketiga?

Ibn Umar r.a berkata: Saya telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Setiap orang adalah pemimpin dan akan diminta pertanggungjawaban atas kepemimpinannya. Seorang kepala negara akan diminta pertanggungjawaban perihal rakyat yang dipimpinnya. Seorang suami akan ditanya perihal keluarga yang dipimpinnya. Seorang isteri yang memelihara rumah tangga suaminya akan ditanya perihal tanggungjawab

dan tugasnya. Bahkan seorang pembantu/pekerja rumah tangga yang bertugas memelihara barang milik majikannya juga akan ditanya dari hal yang dipimpinnya. Dan kamu sekalian pemimpin dan akan ditanya (diminta pertanggung jawab) dari hal-hal yang dipimpinnya (HR Bukhari, Muslim).

Hadis ini sentiasa saya ingat dan saya jadikan panduan saya. Menjadi seorang Naib Canselor bukan bermaksud satu kemegahan kepada saya tetapi suatu amanah yang saya perlu tanggung dan jawab di akhirat sana. Oleh sebab itu, saya sentiasa mengingatkan diri saya sendiri dan semua warga agar menginsafi diri dengan amanah yang diberikan kepada kita. Bukan jawatan yang menjadi keutamaan kepada kita semua tetapi tanggungjawab dan peranan yang lebih penting.

Pesanan saya kepada diri dan semua warga, dalam kita berusaha untuk memartabatkan nama universiti, jangan pernah kita lupa kepada empat perkara iaitu hubungan dengan Allah dan Rasul-Nya, hubungan dengan keluarga, hubungan dengan sahabat dan manusia yang lain. Sehebat mana kita, setinggi mana gred jawatan kita, sebanyak mana gaji kita, hubungan dengan pencipta kita jangan pernah kita lupa. Sekali berada di atas, tak usah lupa ada lagi yang berada lagi atas pada kita. Saya sangat yakin dan percaya jika semua warga meletakkan hubungan dengan Allah sebagai landasan utama, pastinya kita akan dapat lihat bagaimana nilai-nilai murni dan integriti meresap dalam jiwa warga UniSZA.

Begitu juga hubungan dengan keluarga, saya menasihatkan diri saya dan semua warga supaya tidak sesekali mengabaikan peranan terhadap keluarga iaitu ibu, ayah, isteri, suami dan anak-anak. Kerana bagi saya, warga kerja yang cemerlang akan hanya dapat dilahirkan daripada mereka yang

mempunyai asas keluarga yang bahagia. Apabila keluarga bahagia, rumah menjadi syurga, insha-Allah warga UniSZA akan berprestasi di tahap yang tinggi. Hubungan sesama manusia juga perlu diberi keutamaan sama ada sesama sahabat, jiran maupun orang yang kita temui. Kita sebagai warga UniSZA harus bangga menjadi warga UniSZA dan sentiasa sedar yang hidup kita sentiasa membawa lambang UniSZA di dada kita. Kita secara tidak langsung menjadi duta UniSZA semasa bekerja maupun selepas waktu bekerja. Wajarlah kita sentiasa menjaga hubungan dengan sahabat, jiran dan orang yang kita temui. Kita jaga, hormati dan sayangi mereka sebagaimana kita sayangi diri kita sendiri. Inilah yang dipesan oleh baginda Rasulullah SAW yang sangat kita sayangi.

Dalam menakhodai bahtera UniSZA ini, saya tidak mampu menggerakkannya seorang diri. Sebaliknya saya memerlukan sokongan dan kerjasama semua warga UniSZA tidak kira siapa anda, apa gred jawatan anda dan di mana anda berada. Ayuhlah berganding bahu bersama saya, berkerja bersama saya demi kelestarian kecemerlangan UniSZA. Andai bahtera saya ini tersasar laluannya, datanglah berjumpa saya dan bantulah saya supaya bahtera tidak jauh tersasar. Dan andai kata bahtera kita ini ada kerosakan yang boleh menyebabkan karam, tampillah segera bantu saya membaiki kerosakan yang berlaku. Anda semua ialah aset terpenting untuk UniSZA dan saya sesekali tidak akan mempersiapkan anda semua.

EXCEED V FSTK Putrajaya



Rekabentuk Perindustrian adalah satu bidang yang berkaitan dengan reka cipta dan membangunkan konsep serta spesifikasi yang memenuhi fungsi, nilai, bentuk luaran sesuatu produk untuk kebaikan pengguna dan pengeluar. Produk yang dihasilkan oleh pereka yang kreatif mendapat tempat dan dipamerkan kepada masyarakat awam sebagai produk promosi.

Fakulti Senireka & Teknologi Kreatif (FSTK) UniSZA telah menganjurkan satu pameran yang dikenali sebagai Industrial Design Degree Show (EXCEED V) di Dewan Zaaba, Kementerian Pendidikan Tinggi pada 12-14 Januari 2016.

Bertemakan *Green Design*, pameran ini bermatlamat sebagai serampang dua mata untuk mempromosikan hasil kerja pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Rekabentuk Perindustrian sesi 2012/2013 kepada masyarakat luar kampus dan menarik minat pelajar sekolah yang bakal memasuki universiti memilih bidang reka bentuk dan seterusnya melanjutkan pengajian di UniSZA.

Empat kategori produk iaitu Perabot, Transport/Otomotif, Pembungkusan dan Produk Pengguna melibatkan 58 pelajar masing-masing dengan produk mereka dipamerkan sepanjang pameran tersebut dijalankan. Bersempena pameran tersebut, empat pelajar

dinobatkan sebagai terbaik hasil rekaan mereka. Kategori Transport dimenangi oleh Syakirin Hafizin Mohamad dan Mohd Yusri Harun manakala Kategori Perabot dan Produk Pengguna dimenangi oleh Ruzie Hasnira Abdullah dan Nur Ain Fatehah Abdullah.

Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh meluangkan masa melihat pameran tersebut. Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Profesor. Dato' Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Tan Sri Dato' Dr. Madinah Mohamad, Pengerusi Lembaga Pengarah UniSZA, Tan Sri Dato' Haji Alimuddin Haji Mohd Dom, Timbalan Naib Canselor, Prof. Dr. Mahadzirah Mohamad dan Pegawai Kanan UniSZA serta Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia.

Perasmian penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mary Yap Kain Ching. Turut hadir, Dekan FSTK Dr. Siti Maryam Sharun, Timbalan Dekan (Akademik & Pra Siswazah) Dr. Mohd Hisham Omar, Timbalan Dekan (HEPA) Dr. Imran Abdullah, pensyarah dan kakitangan terlibat.

Sebagai kesimpulannya pameran ini dapat melatih bakal graduan FSTK mahir berkomunikasi dengan masyarakat luar dan mempunyai semangat berpasukan apabila berada di alam pekerjaan nanti.

UniSZA Universiti Awam Pertama Miliki Bilik Operasi Felo dan MKK

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) selangkah ke hadapan dengan berlangsungnya majlis penyerahan kunci Bilik Operasi Felo dan Majlis Kolej Kediaman (MKK) yang pertama di universiti awam (UA). Majlis yang berlangsung pada 1 Mac 2016 telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniSZA, Prof. Dr. Nik Wan Omar di Speaker Corner, Kampus Gong Badak.

Dalam ucapan perasmian, Prof. Dr. Nik Wan Omar mengharapkan agar dengan adanya bilik operasi ini dapat memudahkan lagi urusan felo dan MKK untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik di samping menjadi perantara antara mahasiswa dengan pihak pengurusan kolej kediaman.

Simbolik perasmian dimulakan dengan penyerahan replika kunci kepada Ketua Felo, Dr. Zulazhan

Ab. Halim dan Yang Dipertua MKK, Saudara Mohamad Syahmi Mohamed.

Selesai sahaja majlis perasmian, program diteruskan dengan perbincangan antara pengurusan kolej kediaman dengan Prof. Dr. Nik Wan Omar. TNC HEPA menyatakan hasrat beliau agar semua pihak dapat bekerjasama sebagai satu pasukan. Di samping itu, ia dapat mengasah kemahiran insaniah dalam setiap diri ahli MKK agar terus cemerlang serta dapat memberi manfaat kepada mahasiswa yang lain.



Malam Anugerah Tokoh Kepimpinan Siswa 2015 UniSZA

Sebagai persediaan menyertai Anugerah Tokoh Siswa 2015 Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menganjurkan Malam Anugerah Tokoh Kepimpinan Siswa 2015 di Dewan Gamelan, Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu pada 17 Disember 2015. Sebanyak 18 anugerah dipertandingkan dan dimenangi seperti Jadual 1:

Jadual 1

Nama	Kategori
Muhammad Ammar Rafiq Ruslan	Anugerah Sukarelawan Harapan
Muhammad Hafiz A. Bakar	Anugerah Khas Sukan
Hafizuddin Azfar Hassan Adli	Anugerah Khas Badan Beruniform
Mohammad Farid Abdul Talib	Anugerah Khas Kokurikulum (Bukan Beruniform)
Mohamad Yusuf Ismadi	Anugerah Khas Persatuan dan Kelab Pelajar
Nur Fatin Aishah Sulaiman	
Nurmadiah Mat Ali	Anugerah Khas Sekretariat
Mohammad Hatta Bakar	Anugerah Khas Kolej Kediaman
Siti Sarah Sofiyah Sheik Zakir	Anugerah Khas Kebudayaan
Nurul Hidayah M Said	Anugerah Khas Keusahawanan
Mardhiathi Baharudin	Anugerah Khas Pembimbing Rakan Siswa
Ahmad Hadi Farhan Khairu Azua	Anugerah Tokoh Pemimpin Program Inovasi
Mohammad Farid Abdul Talib	Anugerah Tokoh Pengucapan Awam Terbaik
Muhamad Anas Misbahudin	Anugerah Pemimpin Program Kepimpinan Terbaik (Terbuka)
Siti Noor Syuhada Eriana Yusli	Anugerah Sukarelawan Pembangunan Belia Terbaik
Nur Farahain Mustafa	Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik
Nur Fatin Nabila Abd Rahman	Anugerah Pemimpin Program Sukarelawan Terbaik
Nuramalina Abd. Rahman	Anugerah Sukarelawan (Terbuka) Terbaik



Muhammad Anas Misbahudin yang memenangi Anugerah Pemimpin Program Kepimpinan Terbaik (Terbuka) telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Utama Kepimpinan Siswa 2015 UniSZA dengan membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM1,500 berserta trofi dan sijil.

Majlis yang penuh gemilang ini dirasmikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UniSZA dan Presiden Persatuan Alumni UniSZA, En. Mohammad Sahar Mat Din. Dalam ucapan perasmian, beliau menyatakan perasaan terharu dan berbangga kerana UniSZA mampu melahirkan pemimpin-pemimpin yang hebat. Beliau turut

mengumumkan hadiah sumbangan Persatuan Alumni UniSZA untuk pemenang Anugerah Utama Tokoh Siswa 2015 iaitu Pakej Kursus Kepimpinan di Turki dan beliau juga akan memastikan semua pemenang Anugerah Kepimpinan Siswa 2015 UniSZA mendapat pekerjaan yang baik selepas menamatkan pengajian nanti.

Turut hadir pada majlis ini, Ahli Lembaga Pengarah UniSZA, Dato' Mokhtar Nong, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Nik Wan Omar, dan Pengurusan Universiti.

Sistem Tebatan Banjir Bersepadu UniSZA



Kampus UniSZA Gong Badak merupakan satu-satunya kampus universiti di pantai timur yang mengaplikasikan konsep takungan air banjir mesra alam yang memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh Manual Saliran Mesra Alam (MSMA), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Mempunyai kelebihan dari segi ruang, kampus utama UniSZA yang terletak di Gong Badak, Kuala Terengganu, Terengganu ini sentiasa mengalami masalah banjir semenjak dari dahulu lagi. Keadaan ini menjadi semakin serius apabila pembangunan di sekeliling menjadi lebih rancak yang menyebabkan banyak kawasan baruh dan tanah bencah telah dibangunkan bagi tujuan pembinaan kawasan perumahan. Perubahan iklim mikro turut menyumbang kepada masalah banjir monsun yang saban tahun melanda kawasan UniSZA dan sekelilingnya. Kemuncak banjir besar ialah pada tahun 2014 apabila hampir keseluruhan kampus UniSZA di Gong Badak dinaiki air antara 0.2-0.7 meter. Turut mengalami masalah yang sama ialah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan keseluruhan kampusnya lumpuh apabila aras air meningkat sehingga melebihi 1.5 meter.

Walaupun mempunyai banyak tanah di kawasan kampus UniSZA, kebanyakan kawasan sekitarnya terdiri daripada tanah pamah rendah yang menyebabkan air larian tidak dapat berfungsi dengan baik. Selain itu, UniSZA dan UMT terletak di lokasi yang berhampiran dengan pinggir pantai. Hal ini menyebabkan impak banjir monsun menjadi lebih parah apabila ia bertembung dengan air pasang perbani. Beberapa siri banjir monsun yang melanda kawasan ini jelas menunjukkan kedua-dua universiti ini memerlukan sistem tebatan banjir yang efisien bagi menangani masalah yang berlaku hampir saban tahun.

Commonality dan Kerjasama Strategik

Idea bagi melaksanakan pembangunan bersepadu tebatan banjir dan fasiliti lain ini merupakan cadangan daripada mantan Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr. Yahaya Ibrahim yang juga merupakan pakar perancangan bandar bersama Ir. Yassim Abdul Ghani, Pengarah dan Jurutera Awam bertauliah dari Jabatan Pengurusan Pembangunan (JPP), UniSZA. Manakala reka bentuk sistem serta keupayaan saliran dan kolam tadahan adalah daripada Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman yang merupakan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), UniSZA. Beliau juga merupakan pakar bidang permodelan banjir dan hidrologi sekitaran. Projek yang dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan perbelanjaan pembangunan daripada pihak KPM dijangka selesai menjelang April 2016. Kerjasama strategik ini turut mendapat sokongan daripada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), yang berjaya mereka bentuk sistem integrasi saliran monsun Q6 yang berupaya mengawal lebihan air banjir terutama pada musim monsun bagi kawasan Timur Laut dan Barat Laut UniSZA. Sistem dwifungsi ini, apabila siap sepenuhnya bukan sahaja mampu mengawal air banjir yang melanda persekitaran kampus dan penduduk di kawasan sekitar, malahan bakal menjadi mercu tanda sebagai pusat kawasan rekreasi berasaskan air bagi masyarakat kampus dan penduduk sekitarnya. Ini sejajar dengan hasrat Y.B. Dato Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Malaysia yang memperkenalkan konsep *commonality* atau kesepunyaan dalam apa juga kemudahan, kepakaran khususnya di antara UniSZA dan UMT. Melalui projek tebatan banjir ini, UniSZA bukan sahaja membantu dari segi pengurangan magnitud banjir musiman, malahan juga sebagai kemudahan sepunya bagi aktiviti riadah. Antara kemudahan tambahan yang bakal disediakan melalui projek tebatan banjir ini ialah laluan trek jogging sejauh 850m yang mengelilingi tiga kolam utama, tempat meletak kenderaan yang juga



boleh digunakan untuk aktiviti senam robik, kemudahan ber kayak dan kiosk-kiosk minuman.

Sistem Mekanikal dan Griviti

Terusan yang dibina bagi menghubungkan ketiga-tiga kolam tadahan direka bagi menampung air larian normal dan banjir pada musim monsun. Reka bentuk saluran menggunakan kaedah *swale* ternyata memberikan impak yang besar kepada keupayaan saluran terutama pada musim banjir. Menurut Prof. Dr. Ekhwan, dengan menggunakan kaedah ini, rumput ditanam di bahagian tebingan saluran bagi menggantikan sistem saluran berkonkrit dan diselang dengan *check dam* bagi mengurangkan halaju aliran banjir. Kaedah ini sangat sesuai dan kelihatan seperti semula jadi.

Tiga sistem luahan dan integrasi yang direka dalam projek ini melibatkan (i) sistem perawatan air dan pengasingan sisa pepejal dari longkang utama Kompleks Perumahan Gong Badak ke terusan utama, (ii) Baraj yang mengawal aras air dari terusan utama ke kolam tadahan, (iii) Aliran saluran monsun secara graviti dari Q6 ke kolam utama. Keupayaan tasik bagi menampung lebih air banjir sangat bergantung kepada reka bentuk tasik, isipadu air yang disimpan serta ciri-ciri hidraulik tasik dan saluran (nisbah lebar-kedalaman tasik dan nilai kekasaran permukaan, pekali n dalam rumus Manning). Kepakaran daripada penyelidik dari Pusat Penyelidikan Pantai Timur (ESERI) diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir dan Dr. Mohd Khairul Amri Kamarudin berjaya menganggarkan keupayaan tasik UniSZA dalam menyimpan air banjir terutama pada waktu puncak serta ciri-ciri rebakan air larian berdasarkan longkang perimeter sedia ada di sekitar kampus.

Apabila siap sepenuhnya nanti, sistem tebatan banjir ini diharap dapat mengurangkan kemusnahan harta benda akibat banjir setiap tahun bagi kampus UniSZA dan UMT serta penduduk sekitarnya. Walaupun tidak 100 peratus dapat dikurangkan, pembinaan sistem tebatan banjir mampu mengurangkan impak banjir lebih besar terutama apabila siapnya pembinaan Hospital Pengajar UniSZA, bangunan Canselori dan beberapa kemudahan lain yang dibina di persekitaran tasik. Ia merupakan satu lagi nilai tambah kepada persekitaran kampus yang nyaman dengan berlatarbelakangkan tasik dan saluran. Menurut Ir. Yasim, sistem ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat sekeliling, reka bentuk jajaran tasik yang dihubungkan melalui terusan dan *outlet* ke UMT juga merupakan simbol kepada kesepunyaan antara dua universiti berjiran. Dalam tempoh lima tahun lagi, lokasi tiga rangkaian tasik ini pasti akan lebih menarik dengan bangunan hospital, pusat komersil, bangunan canselori dan masjid UniSZA yang berdiri megah.

Pengurusan Banjir Bersepadu

Selaras dengan konsep Pengurusan Sumber Air Bersepadu, UniSZA merupakan satu-satunya kampus di pantai timur yang mengguna pakai pengurusan banjir



bersepadu di Malaysia. Selain daripada kaedah *swale* untuk saluran terbuka dan kolam takungan banjir, UniSZA juga dilengkapi dengan sistem penyampaian maklumat awal banjir di bawah program penyelidikan smart i-warner. Sistem amaran banjir ini merupakan stesen cuaca mini bagi memantau data cuaca seperti hujan, suhu dan aras air. Ia direka oleh kumpulan penyelidik dari Fakulti Informatik dan Komputeran (FKI), UniSZA yang diketuai oleh En. Ahmad Nazari Mohd Rose dan Dr. Engku Fadzli Hasan Syed Abdullah. Sistem ini berupaya memberikan maklumat pantas secara dalam talian kepada masyarakat sekeliling melalui telefon pintar masing-masing. Dengan cara ini, masyarakat terutama pelajar dapat mengetahui dengan lebih tepat situasi sekiranya berlaku banjir sama ada banjir monsun ataupun banjir kilat di kawasan sekitar. Projek penyelidikan ini berjaya dibangunkan dengan menggunakan geran dalaman UniSZA dan PRGS (*Prototype Research Grant Scheme*). Setakat ini, sebuah sistem i-warner telah dipasang di dalam kampus dan dijangkakan beberapa unit lagi akan dipasang di kawasan tasik.

Pelan Strategi Pembangunan UniSZA

Seiring dengan hasrat Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Zubaidi Abdul Latif bahawa UniSZA Kampus Gong Badak akan terus dijadikan kampus utama UniSZA, sementara fungsi dan pembangunan dua kampus lain, iaitu Kampus Perubatan dan Kampus Tembila akan terus dipertingkatkan, UniSZA telah bersedia dengan Pelan lima tahun Strategik Pembangunan khususnya berkaitan dengan perancangan infrastrukturnya. Insya-Allah, dengan beberapa lain pembangunan mega bakal menyusul melibatkan bangunan canselori, asrama bagi 6000 pelajar, dengan masing-masing 3000 pelajar di Kampus Gong Badak dan 3000 lagi di Kampus Tembila dan Hospital Pengajar UniSZA. Ujar Prof. Dato' Dr. Zubaidi, Konsep NBOS (*National Blue Ocean Strategi*) yang terus dijadikan model pembangunan UniSZA bagi memperkukuh dan memperkasa tiga nic utama UniSZA iaitu Pengajian Islam, Perubatan dan Pertanian. Beliau yakin dengan perancangan yang teratur dan kerjasama daripada semua pihak, UniSZA akan terus maju seiring dengan keperluan melahirkan pelajar yang mempunyai ciri insan dan akhlak yang seimbang. Sesungguhnya UniSZA akan terus *soaring upwards*.

Pertandingan Debat Piala Naib Canselor Kali Ke-7



Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Kelab Orator UniSZA telah menganjurkan Pertandingan Debat Piala Naib Canselor Kali ke-7 pada 10-13 Disember 2015. Pertandingan yang disertai oleh semua fakulti di UniSZA melibatkan 20 pasukan bagi kategori Bahasa Melayu, 12 pasukan bagi kategori Bahasa Inggeris dan 12 pasukan bagi kategori Bahasa Arab. Pertandingan ini diadakan untuk mencungkil bakat pelajar dalam berdebat serta meningkatkan kemahiran pengucapan awam.

Pertandingan pada kali ini terbuka kepada semua kelab dan persatuan berbanding sebelum ini yang hanya terhad kepada penyertaan dari fakulti sahaja.

Keputusan penuh bagi Pertandingan Debat Piala Naib Canselor Kali ke-7 bagi ketiga-tiga kategori adalah seperti Jadual 1.

Kategori	Johan	Naib Johan
Kategori Bahasa Melayu	Ultras UniSZA	Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
Kategori Bahasa Inggeris	Kelab Catur	Fakulti Perubatan
Kategori Bahasa Arab	Fakulti Pengajian Kontemporari Islam	Fakulti Bahasa dan Komunikasi



Majlis penutup telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Dr. Nik Wan Omar. Turut hadir ialah dekan-dekan fakulti, timbalan-timbalan dekan fakulti serta pegawai-pegawai Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA).



Perpustakaan UniSZA Terima Anugerah Khas BTPNT

Perpustakaan UniSZA menerima pengiktirafan daripada Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu (BTPNT) pada 21 Februari 2016 apabila telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Khas di Majlis Anugerah Pembestarian Sekolah Negeri Terengganu 2015. Penganugerahan ini diberikan bagi menghargai serta mengiktiraf segala usaha dan kerjasama yang dilaksanakan oleh Perpustakaan UniSZA bersama-sama dengan BTPNT, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) serta sekolah-sekolah yang terlibat dalam menjayakan pelbagai program sepanjang tahun 2015.

Dalam dunia globalisasi serta ledakan maklumat yang tiada sempadan, Perpustakaan UniSZA berasa bertanggungjawab dan menyedari bahawa peranan institusi kelimuan amat besar dalam membantu pembangunan pendidikan serta pembentukan intelektual para pelajar. Oleh yang demikian, pelbagai langkah proaktif telah dibuat dengan kerjasama BTPNT, JPNT dan pihak sekolah bagi menjayakan tanggungjawab tersebut.

Bicara Antara Benua adalah antara program yang dilaksanakan bersama warga pendidik. Program khidmat komuniti perpustakaan kepada masyarakat ini dianjurkan menerusi penglibatan pihak sekolah terutamanya para pelajar dan guru serta warga universiti. Program berbentuk bual bicara ini, diadakan untuk berkongsi pendapat dan idea denganturut melibatkan para mahasiswa dan pensyarah antarabangsa UniSZA. Objektif program serampang dua mata ini adalah untuk meningkatkan kemahiran serta keyakinan pelajar sekolah dalam berbahasa Inggeris, selain turut memberi motivasi dan berkongsi perbezaan budaya.

Perpustakaan UniSZA juga terlibat dalam membantu menaik taraf Pusat Sumber Sekolah (PSS)

dengan membangunkan aplikasi sistem pengurusan PSS. Antara sekolah yang terlibat ialah Sekolah Kebangsaan Kompleks Seberang Takir yang turut dinobatkan sebagai Johan Anugerah PSS, bagi kategori sekolah rendah tahun 2015. Perpustakaan UniSZA meneruskan kolaborasi ini dengan menjadi rakan strategik BTPNT, JPNT serta sekolah-sekolah yang terlibat bagi menyalurkan ilmu serta kepakaran yang ada agar dapat dimanfaatkan bersama dengan komuniti luar khususnya warga sekolah.

Anugerah tersebut telah disampaikan kepada Puan Rohani Othman, Ketua Pustakawan UniSZA oleh Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu, Haji Shafruddin Haji Ali Hussin yang turut merasmikan majlis berkenaan.

Hadir sama ialah Ketua Pustakawan, Universiti Malaysia Terengganu, Tuan Haji Atip Ali, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UniSZA, Puan Faridah Muda serta wakil daripada Pusat Kegiatan Guru dan sekolah-sekolah seluruh negeri Terengganu.



Singgah Seni FSTK 2015



Seni adalah suatu kreativiti yang dihasilkan oleh manusia yang berasal dari idea, gagasan, perasaan, suara hati serta gelora jiwa yang diwujudkan atau diexpresikan melalui unsur-unsur tertentu, yang bersifat indah untuk memenuhi keperluan manusia yang sifatnya tak terbatas.

Untuk menghasilkan sesuatu produk seni, pemahaman dan penghayatan jitu amat penting. Kebolehan mampu dipelajari dan dibentuk, manakala bakat adalah anugerah Allah s.w.t.. Kedua-dua elemen ini saling berkait rapat dalam menghasilkan produk seni yang mempunyai nilai estetika yang tinggi untuk dipersembahkan kepada masyarakat.

Salah satu usaha untuk memartabatkan seni ialah dengan mengadakan pameran sebagai jambatan untuk masyarakat mengenali dengan lebih dekat produk seni yang dihasilkan oleh pelajar yang terlibat.

Fakulti Senireka dan Teknologi Kreatif (FSTK) UniSZA telah berjaya mengadakan pameran yang dikenali sebagai *Singgah Seni* pada 13-15 Disember 2015 bertempat di Foyer Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak.

Pameran ini merupakan aktiviti tahunan untuk mempamerkan produk seni pelajar FSTK dalam subjek lukisan dan fotografi, anjuran Pusat Pengajian Rekabentuk Perindustrian dengan kerjasama Kelab Rekabentuk Industri (IDEC) FSTK.

Ia bertujuan melahirkan pereka produk seni yang berkemahiran, kreatif serta inovatif kepada masyarakat kampus, pelajar sekolah dan komuniti setempat. Seramai 34 pelajar diploma semester dua dan 53 pelajar Ijazah Rekabentuk Perindustrian semester satu terlibat dalam penghasilan lukisan manakala 47 pelajar semester tiga Ijazah Rekabentuk Perindustrian pula, mempamerkan gambar yang dirakam di Cameron Highlands, Pahang.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan (Akademik & Pra Siswazah) Dr.

Mohd Hisham Omar. Turut hadir ialah Timbalan Dekan (Penyelidikan & Siswazah) Prof. Madya Dr. Javed Shaikh Mohammed, Timbalan Dekan (HEPA) Dr. Imran Abdullah, Prof. Dr. Abdullah Sani Kamaluddin, Pensyarah, Staf dan pelajar FSTK.



“Mereka Susah Kami Bantu” Bersama Mahasiswa Kerja Sosial

Mahasiswa Program Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) telah mengadakan satu program yang dinamakan ‘Mereka Susah Kami Bantu’. Program ini telah diadakan selama tiga minggu bermula 1-20 Disember 2015. Kawasan yang menjadi tumpuan bagi program ini ialah di sekitar Kuala Terengganu.

Matlamat utama program ini adalah untuk mempraktikkan pentadbiran pengurusan dalam kerja sosial selain membantu golongan sasaran memperkasakan kehidupan bermasyarakat.

Mahasiswa Kerja Sosial telah menemui beberapa golongan sasaran yang memerlukan bantuan antaranya keluarga yang mempunyai anak-anak yang tidak mempunyai identiti diri, warga tua yang tinggal keseorangan, ibu tunggal serta golongan anak yatim piatu.

Menerusi program ini, Mahasiswa Kerja Sosial telah berjaya mendapatkan surat beranak dan kad pengenalan untuk keluarga tersebut, mendapatkan bantuan makanan dan perhatian Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta mendapatkan bantuan persekolahan untuk anak-anak yang memerlukan.

Keprihatinan Mahasiswa Kerja Sosial ini telah membuka mata masyarakat serta pihak yang berwajib agar sama-sama turun padang untuk membantu golongan kurang bernasib baik. Pihak mahasiswa bersedia untuk terus membantu pelbagai pihak dalam usaha menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.



Contemporary Art Fest 2015 By Ben Students, FBK

As part of the course requirements for BKS 4073 Event Management and Planning, students taking Bachelor of English Language Studies and Communication (semester 7) recently organised the Contemporary Art Fest (CAFé 2015) for three days at the Terengganu State Library. This event was supervised by their lecturer, Mdm Nor Jijidiana Azmi. Among the activities carried out were drama competition, art exhibition, drawing, poem recitation and musical performances. This event which was open to the public attracted many participants whom arrived as early as 10am. The closing ceremony was officiated by Yang Berusaha Dr. Zulazhan bin Ab Halim, the Deputy Dean of Academic and Undergraduate Affairs, FBK.



FSTK - Perpustakaan UniSZA, Jalin Kerjasama Tonjolkan Produk Pelajar

Dalam usaha mempromosikan produk serta karya para pelajar, Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kreatif (FSTK), UniSZA dengan kerjasama Perpustakaan UniSZA menganjurkan satu pameran Rendering Technique pada 6 Mac 2016. Pameran ini berlangsung di Atrium Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu.

Perpustakaan UniSZA turut berperanan dan berkolaborasi bersama FSTK dalam 'memasarkan' produk-produk pelajar kepada masyarakat. Selain bertujuan mempamerkan hasil karya *rendering* mahasiswa semester tiga, ia turut menjadi medan bagi mempromosi dan mengenengahkan hasil dan bakat para pelajar ini kepada

masyarakat kampus, pelajar sekolah serta komuniti luar. Masyarakat juga dapat mempelajari sesuatu yang baharu mengenai *rendering technique* dan mendidik diri supaya berfikir dengan lebih kreatif dalam menghasilkan sesuatu.

Program ini merupakan satu pameran kesenian mahasiswa FSTK bagi memenuhi keperluan subjek *Rendering Technique* yang melibatkan pelajar semester empat, program Ijazah Rekabentuk Perindustrian. Subjek ini memerlukan para pelajar untuk membuat sesuatu lakaran menjadi tiga dimensi dan menerangkan bentuk sesuatu objek itu melalui warna yang digunakan. Antara objek yang dimanifestasikan dalam lakaran tersebut ialah produk makanan, kenderaan serta peralatan.

Pameran ini telah disertai oleh seramai 45 pelajar yang mempamerkan hasil *rendering* berdasarkan kepada subjek yang ditetapkan oleh pensyarah dalam pemilihan produk masing-masing.

Majlis perasmian program telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Prasiswazah), Dr. Mohd Hisham Omar.

Turut hadir Timbalan Dekan (HEPA), Dr. Imran Abdullah, Prof. Suleiman Salleh serta Timbalan Ketua Pustakawan Kanan UniSZA, Puan Faridah Muda serta pensyarah dan pelajar FSTK yang terlibat. Pameran ini berakhir pada 6 April 2016.

Jualan Amal Mahasiswa Kerja Sosial 2016



Sejajar dengan imej UniSZA sebagai universiti komuniti, mahasiswa Program Kerja Sosial, Fakulti Sains Sosial Gunaan (FSSG) telah berjaya melaksanakan satu jualan amal di Pusat Rehabilitasi Satu Malaysia, Seberang Takir, Kuala Terengganu pada 26-27 Februari 2016. Barang-barang terpakai yang dijual melibatkan semua jenis pakaian lelaki, wanita dan kanak-kanak. Selain itu, barang-barang lain yang turut dijual ialah novel dan juga peralatan memasak seperti sudu, garpu, senduk dan lain-lain.

Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk mendapatkan dana bagi membantu golongan yang memerlukan seperti warga tua yang sakit terlanjar, ibu tunggal dan anak yatim di Terengganu. Di samping itu,


matlamat program ini adalah untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pakaian terpakai dengan harga yang sangat murah dan mampu milik iaitu sekitar RM3.00 hingga RM5.00 sahaja.

Kerjasama yang diberikan oleh semua pelajar Kerja Sosial, kakitangan FSSG serta warga UniSZA yang lain dalam menyumbang barangan terpakai bagi menjayakan program ini amat memberangsangkan. Dengan kerjasama baik yang diberikan, ia menjadikan Program Jualan Amal ini dapat diadakan secara berterusan demi mencapai matlamat program serta membantu golongan yang memerlukan.

Hasil jualan daripada program ini mencapai jumlah sebanyak RM4,000.00. Namun dianggarkan jumlah ini dapat ditingkatkan kepada RM10,000.00 untuk Program Jualan Amal pada tahun hadapan. Hal ini kerana bilangan penyumbang barangan terpakai akan diperluaskan kepada seluruh warga UniSZA dan juga masyarakat di Kuala Terengganu.

Dekan FSSG, Prof. Dr. Ahmad Puad Mat Som amat berbangga dengan penganjuran program ini kerana peranan pekerja sosial bukan sahaja sebagai pemudah cara malah bertindak sebagai "social entrepreneurship". Inilah perkara yang perlu disemai dalam diri setiap mahasiswa UniSZA khususnya dari FSSG agar dapat memainkan peranan bersama pihak universiti untuk terus kekal relevan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang cakna terhadap komuniti setempat.

Karnival Pendidikan Tinggi Negara 'Jom Masuk IPT' 2016



Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan *signature programme* tahunan Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) 'Jom Masuk IPT' 2016 di Dataran DABS, Kampus Gong Badak, UniSZA pada 13-14 Februari 2016. Sebanyak 140 reruai universiti awam, universiti swasta, politeknik, bahagian tajaan dan agensi yang berkaitan pembelajaran sepanjang hayat telah dipamerkan. UniSZA telah dilantik sebagai urusetia bersama KPTN bagi Zon 2 yang merangkumi Terengganu, Pahang dan Kelantan. KPTN 'Jom Masuk IPT' merupakan pusat sehenti bermaklumat kepada kumpulan sasaran seperti pemohon, pelajar, ibu bapa, guru dan komuniti setempat untuk mendapatkan maklumat tepat dan terkini mengenai peluang pendidikan tinggi, akreditasi dan pembiayaan bagi Lulusan SPM/Setaraf dan STPM/Setaraf di peringkat pengajian program asasi, diploma, ijazah pertama serta sijil dan Diploma Kemahiran Malaysia. Selain itu, karnival ini juga mempromosi serta menyebarkan maklumat mengenai program pengajian sedia ada serta program baharu yang ditawarkan oleh Universiti Awam (UA), Politeknik, Kolej Komuniti, ILKA, Bahagian Matrikulasi (BMKPM) dan institusi lain. Pemohon dan masyarakat juga



didedahkan mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan melalui Aplikasi Dalam Talian dan pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan ke UA yang menggunakan 90 peratus markah akademik dan sepuluh peratus markah kokurikulum serta menyemak syarat kelayakan program pengajian. KPTN 2016 telah berjaya menarik seramai 73,598 pengunjung.

Terdapat dua program berjalan serentak dengan program ini iaitu sesi jelajah *Soaring Upwards* dan Seminar Kemasukan Pelajar ke IPT. Program jelajah *Soaring Upwards* telah dikendalikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Idris Jusoh di Dewan Perdana, Kampus Gong Badak. Program ini adalah untuk memberi hebahan dan menyebarkan maklumat perancangan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) kepada semua pemegang taruh termasuk

kementerian, agensi kerajaan dan swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), sekolah dan pihak industri negara ini.

Selain itu, Seminar Kemasukan Pelajar ke IPT telah diadakan di Hotel Permai Inn, Kuala Terengganu. Seramai 150 peserta yang terdiri daripada kaunselor sekolah, politeknik, kolej komuniti dan agensi luar menyertai seminar ini selain kakitangan UniSZA. Objektif seminar ini juga diadakan untuk mempromosi program pengajian yang ditawarkan serta menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan dasar pemilihan kemasukan.

Karnival ini bukan sahaja dapat mendekatkan UA dengan masyarakat, malah pada masa yang sama dapat menjalinkan hubungan, sekali gus memudahkan pelajar dan ibu bapa mendapat maklumat tepat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan.



Kelas *Antenatal*



Kelas Antenatal merupakan satu sesi pembelajaran bagi wanita khususnya kepada para ibu bapa dan pasangan yang baru berkahwin dan berminat mengenai pendedahan awal dalam pengurusan dan penjagaan bayi serta kesihatan diri sebelum dan selepas bersalin. Program ini merupakan yang kedua telah dianjurkan oleh program Diploma Fisioterapi sejak ia ditawarkan pada tahun 2011. Program ini juga bersempena dengan subjek Isu Khas dalam Fisioterapi I (HJS1122) yang memfokuskan kesihatan wanita dan lelaki. Dengan kerjasama oleh para kakitangan PPSR dan para pelajar Tahun Dua Semester Empat, maka program berteraskan khidmat komuniti ini berjaya dilaksanakan.

Program Diploma Fisioterapi, Fakulti Sains Kesihatan (FSK) telah menganjurkan Kelas Antenatal pada 11 Januari 2016, di Dewan Panca Delima, Pusat Seni dan Warisan, Kampus Gong Badak, UniSZA, bertemakan *36 Weeks Moments*.

Program ini dirasmikan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Prasiswazah FSK, Dr. Sharifah Wajihah Wafa Syed Saadun Tarek Wafa. Sejurus majlis perasmian, slot pertama yang disampaikan oleh Dr. Yusmina Mohd Yusof memfokuskan tentang perubatan, diikuti pula slot kedua yang disampaikan oleh Dr. Aryati Ahmad yang memfokuskan tentang diet dan pemakanan semasa hamil. Program diteruskan dengan ceramah tentang senaman dan aktiviti fizikal yang disampaikan oleh Puan Marhasiyah Rahim, selaku pensyarah di PPSR. Sesi terakhir iaitu praktikal senaman yang telah dikendalikan oleh para pelajar Diploma Fisioterapi. Sesi ini merupakan sesi 'hands on' yang melibatkan peserta secara langsung melakukan aktiviti senaman.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada kakitangan wanita UniSZA, dan dengan kesesuaian tempat, tenaga dan masa, penganjur terpaksa menghadkan penyertaan kepada 32 orang sahaja walaupun permintaan untuk penyertaan melebihi jangkauan.

Fisioterapi Bersama Komuniti



Pada 19 Disember 2015, UniSZA Physiotherapy Club (UPC) telah menganjurkan satu program berteraskan komuniti iaitu Program 'Physio Day' untuk kali ke-4 yang diadakan di Pusat Rehabilitasi 1 Malaysia (PR1MA), Seberang Takir. Tema yang dibawa adalah "Senam Sokmo, Sihat Sokmo". Pelbagai aktiviti telah dijalankan yang bermula seawal jam 7.30 pagi hingga 1.00 petang. Program ini telah dirasmikan oleh wakil Menteri Besar Terengganu, iaitu Pegawai Khas Menteri Besar, En. Mohammad Yusuf.

Selain itu, program ini dijalankan untuk memberi peluang kepada para pelajar Diploma Fisioterapi untuk mempraktikkan hasil pembelajaran di dalam kelas ke dalam situasi sebenar. Sebagai contoh, para pelajar akan berhadapan dengan pesakit yang mungkin mempunyai masalah kesihatan. Selain itu, para pelajar juga dapat memantapkan kemahiran berkomunikasi dengan komuniti luar. Program ini juga memberi peluang kepada pelajar UPC untuk belajar bagaimana mengendalikan organisasi dalam sesuatu aktiviti. Pelajar junior berpeluang berkongsi pengetahuan tentang bidang fisioterapi dengan pelajar senior.

Hasil daripada kejayaan dan sambutan yang menggalakkan pada setiap pengajuran, program ini diteruskan pada tahun ini dengan pemilihan Pusat Rehabilitasi 1 Malaysia (PR1MA) sebagai tempat penganjuran. Dengan wujudnya program ini, para pelajar dapat berhadapan dengan orang awam yang mungkin mempunyai masalah kesihatan yang pelbagai.

Kerjasama Yayasan Diraja Sultan Mizan dan Pusat Pendidikan Lanjutan

Anjur Kursus Keusahawanan Program Seni Kraf Warisan

Yayasan Diraja Sultan Mizan (YDSM) dengan kerjasama Pusat Pendidikan Lanjutan (CCE) UniSZA telah menganjurkan Kursus Keusahawanan Program Seni Kraf Warisan khusus untuk para belia di sekitar negeri Terengganu. Kursus ini diadakan pada 23 - 27 Disember 2015 di Hotel Prinz Park Terengganu.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk melahirkan 30 orang usahawan dalam kalangan belia yang berkecimpung dalam bidang seni kraf warisan. Kursus ini bertujuan membangunkan jati diri usahawan bidang seni kraf warisan untuk memiliki sifat daya maju, daya tahan dan daya saing. Secara tidak langsung, kursus ini menjadi platform terbaik bagi para belia untuk bergiat aktif dalam keusahawanan.

Modul kursus ini terbahagi kepada dua iaitu Fasa Kursus Asas Keusahawanan yang merangkumi modul iaitu Penjanaaan Idea, Strategi Pekerjaan, Strategi Inovasi, Strategi Pengurusan Risiko dan Strategi Perniagaan dan fasa kedua memberi fokus kepada usaha membimbing perniagaan yang berlangsung selama 12 bulan.

Fasilitator kursus ini terdiri daripada Pengarah CCE, Prof. Dr. Ahmad Shukri Yazid dan dua pensyarah dari Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan, iaitu Prof. Madya Dr. Fakhrul Anwar Zainol dan Prof. Madya Dr. Wan Norhayate Wan Daud.

Kursus ini dapat memberikan impak positif dengan bertambahnya bilangan usahawan dalam kalangan belia, melahirkan usahawan mentor yang mampu membimbing bakal usahawan muda pada masa akan datang serta dapat melahirkan usahawan seni kraf warisan (*craftpreneur*) yang berjaya dan berdaya saing. Penganjuran program seperti ini perlu diteruskan pada masa akan datang memandangkan industri ini berpotensi besar untuk dimajukan di negeri Terengganu sehingga menjadikan negeri ini sebagai Hub Kraf Warisan di Malaysia.

Penganjuran Program Kursus Kokurikulum

Program sukarelawan bersama komuniti di Kampung Lembah Bidong, Setiu dilaksanakan untuk melatih para peserta menjalankan aktiviti bersama masyarakat sekaligus menjalin hubungan silaturahim antara satu sama lain. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah mengecat, membersihkan kubur lama Pantai Merang, mengagihkan sumbangan hamper kepada komuniti yang memerlukan dan sukaneka bersama komuniti.

Program yang dijalankan pada 14-16 Januari 2016 ini melibatkan penyertaan pelajar UniSZA seramai 42 orang daripada Kokurikulum Projek Khidmat Masyarakat (pelajar Diploma Sains Kejururawatan) Sem II Sesi 2015/2016 dengan kerjasama Pusat Pembangunan Holistik Pelajar. Jalinan Komuniti dengan UniSZA bersesuaian UniSZA sebagai universiti komuniti

yang memberikan kemudahan kepada kedua-dua pihak untuk mendapat manfaat secara bersama.

Kerja-kerja membersihkan kubur dapat dijalankan dengan baik hasil sokongan penduduk setempat dan ahli jawatankuasa surau berkenaan. Pada waktu malam persembahan kebudayaan diadakan. Pada pagi Sabtu, aktiviti dimulai dengan solat subuh berjemaah, senamrobik dan aktiviti sukaneka. Sebahagian lagi pelajar ke kawasan sekitar untuk membahagikan hamper keperluan dapur kepada penduduk kampung yang telah dikenal pasti.

Program ini amat sesuai untuk melahirkan mahasiswa yang aktif dalam bidang kesukarelawan. Pelajar-pelajar dapat mengaplikasikan kemahiran insaniah yang menjadi tonggak utama dalam hasil pembelajaran kursus kokurikulum.



Program Cerapan Gerhana Matahari Separa Bersama Komuniti

Gerhana matahari adalah fenomena yang berlaku apabila bulan berada di antara matahari dengan bumi, dan bulan sepenuhnya atau sebahagiannya melindungi (*occults*). Gerhana matahari ini boleh berlaku hanya pada bulan baharu, apabila matahari dan bulan berada dalam satu garisan. Apabila gerhana penuh, cakera matahari ditutup sepenuhnya oleh bulan manakala ketika gerhana separa dan anulus, hanya sebahagian daripada matahari dilitupi.

Cuaca baik pada 9 Mac 2016 memberi peluang kepada orang awam dan para penyelidik menyaksikan kebesaran Allah melalui Fenomena Gerhana Matahari ini. Seawal jam 7.30 pagi, Balai Cerap KUSZA di Merang, Terengganu dibanjiri oleh 200 orang awam dan para pelajar untuk menyaksikan fenomena gerhana matahari separa. Program ini dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI).

Program Cerapan Fenomena Gerhana Matahari ini adalah satu medium yang amat baik untuk menjalinkan hubungan antara komuniti setempat dengan UniSZA. Pengarah ESERI, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata pihak mereka bersedia untuk bersama-sama orang awam menikmati setiap fenomena alam dengan menggunakan peralatan yang disediakan di Balai Cerap KUSZA ini.

Memetik kata-kata Dr Roslan Umar selaku Felo Penyelidik yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam menjayakan aktiviti ini berkata, "Kita bertuah kerana dapat melihat fasa awal sampai akhir. Fenomena Gerhana Separa ini dapat dilihat sebanyak 71.1 peratus di Terengganu." Ini menunjukkan bahawa Program Cerapan Separa Matahari yang diadakan ini berjaya mencapai objektifnya.

Para pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan empat dan lima serta pelajar UniSZA rata-rata menyatakan rasa kagum dan takjub serta seronok kerana dapat melihat gerhana matahari separa ini dengan jelas. Antara peralatan yang disediakan adalah teodolit dan penapis cahaya matahari.

Fenomena Gerhana perlu dijadikan pengajaran



atau *ibrah* untuk kita semua. Sebagai umat Islam kita digalakkan berzikir dan melaksanakan solat Khusuf ketika berlaku fenomena gerhana. Ia juga sepatutnya dapat meningkatkan keimanan kita kepada Maha Pencipta. Solat sunat Khusuf telah dilakukan secara berjemaah di Balai Cerap tersebut. Bagi yang tidak dapat merasai fenomena gerhana matahari ini, dapat sekali lagi menunggu pada 26 Disember 2019.



Lawatan Kerja Penyelidikan Astronomi

Antara UniSZA-Observatori Negara Langkawi (ONL)-UMT

Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), UniSZA telah mengadakan pertemuan dengan UMT dan Observatori Negara Langkawi (ONL) di Langkawi baru-baru ini.

Rombongan yang diketuai oleh Dr. Roslan Umar ini turut dihadiri oleh Felo Penyelidik ESERI, Dr. Khairul Amri Kamarudin, Dr. Nor Hazmin Sabri dari Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA)-UMT dan tiga pelajar siswazah ESERI (Nur Zulaikha Mohd Afandi, Sharifah Nurul Aisyah Syed Zafar, Marhamah Mohd Shafie) serta seorang pelajar siswazah UMT (Puan Roshidah Mat).

ESERI diketuai oleh Felo Penyelidik, Dr. Roslan Umar, Dr. Khairul Amri Kamarudin dan tiga pelajar siswazah ESERI, Saudari Nur Zulaikha Mohd Afandi, Saudari Sharifah Nurul Aisyah Syed Zafar dan Saudari Marhamah Mohd. Shafie. Manakala UMT diwakili oleh Dr. Nor Hazmin Sabri dari Pusat Pengajian Sains Asas (PPSA) dan Saudari Roshidah Mat.

Penolong Penyelidik ONL, Encik Karzaman membuka tirai program yang berlangsung selama sembilan hari lapan malam ini tentang topik pencerapan objek nebula dan bintang-bintang. Pada masa yang sama empat aktiviti cerapan berlainan jenis telah dijalankan sepanjang 3-11 Disember 2015.

Cerapan frekuensi radio, solar, kecerahan langit dan cerapan malam turut dijalankan. Cerapan kecerahan langit dan cerapan malam mengambil masa tiga hari yang bermula dari tengah malam, manakala cerapan frekuensi radio berjalan selama seminggu.

Dengan penggunaan teleskop utama di kubah utama dengan kamera CCD di bawah bimbingan Encik Karzaman sewaktu cerapan malam, rombongan didedahkan dengan aktiviti mencerap objek angkasa. Secara ringkas, cerapan objek angkasa ini lebih memberi pendedahan ke arah astrofotografi [Rajah Nebula Kepala Kuda (Horse Head Nebula)].

Sistem teleskop untuk cerapan matahari terdiri daripada TMB-Apo, 152/1200-CNC tube, Coronado SolarMax, 70 CaK, Takahashi FSQ-106 dengan tiga jenis

penapis seperti H-alpha, garis k kalsium dan set kamera. Sky Map, CCD Controller and Dome Control merupakan perisian sepanjang cerapan solar.

Perbincangan dua hala berakhir dengan pertemuan bersama Pegawai Penyelidik ONL, Encik Muhammad Rezuan dan Puan Farahana dan kata sepakat telah dicapai berkenaan penerbitan buku dan artikel bagi memperkasa bahagian penerbitan dan penyelidikan.



TALAQQI

Intensif Anak-Anak Staf & Komuniti 2016

Sistem pendidikan pondok merupakan sistem pendidikan formal Islam terawal yang mula diperkenalkan di Alam Melayu. Ia diwujudkan untuk memenuhi tuntutan masyarakat Islam yang masih memerlukan bimbingan yang sempurna dan mendalam terutama hal yang berkaitan dengan akidah dan ibadah. Peringkat pertama, pendidikan Islam tidak formal hanya dapat dipelajari di surau, masjid dan juga rumah alim ulama. Sambutan yang menggalakan untuk masyarakat lebih mendalami ilmu-ilmu Islam menyebabkan rumah guru terpaksa diperluaskan malah dibina juga disekitarnya rumah-rumah kecil yang dikenali sebagai pondok untuk menyelesaikan masalah kediaman pelajar khususnya yang datang dari tempat yang jauh. Suasana ini telah melahirkan satu bentuk sistem pengajian baru yang terkenal dengan gelaran sistem pendidikan pondok.

Sehubungan dengan itu, pada 3-24 Januari 2016 bermula jam 8.00 pagi - 2.00 petang bertempat di Masjid UniSZA, Pusat Islam UniSZA telah menganjurkan program Talaqqi Intensif Anak-Anak Staf dan Komuniti. Program ini telah disertai oleh 14 orang peserta dari kalangan pelajar lepasan SPM, sekitar UniSZA kampus Gong Badak.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada anak-anak kakitangan UniSZA dan masyarakat luar tentang pengajian berbentuk talaqqi yang menjadi pusaka turun temurun kaedah pengajian ilmu-ilmu Islam. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan ilmu dan kefahaman tentang aqidah, fikah dan tasawuf menerusi kitab-kitab Jawi yang terpilih.

Majlis kemuncak program Talaqqi Intensif ini diakhiri dengan majlis penyampaian sijil oleh Pengarah Pusat Islam UniSZA, Dr. Mohd Shafiee Hamzah.

ZUMBA For Charity 2016



ZUMBA FOR CHARITY 2016 sempena Konvensyen MAWAR 2016 telah dianjurkan pada 5 Mac 2016, di Dewan Gemilang, UniSZA. Zumba merupakan kombinasi elemen tarian dan aerobik yang mulanya diasaskan oleh seorang koreografi pada tahun 1990-an sebagai program kecergasan di Columbia. Tarian zumba ini memberi kelebihan kepada kecergasan dan kesihatan disamping mengikut rentak gabungan salsa, mambo, hiphop, latin dan sebagainya. Program ini diadakan adalah untuk memberitahu orang ramai pentingnya bersenam pada masa kini untuk kekal sihat dan menjaga kesihatan luaran dan juga dalaman serta memperkenalkan instruktur zumba yang berpengalaman untuk menjalankan program ini dengan sempurna. **'Zumba For Charity 2016'** merupakan aktiviti sempena Konvensyen MAWAR 2016 bertujuan untuk mengutip derma dan akan disalurkan ke Badan Amal Kebajikan / NGO yang memerlukan bantuan.

Seramai 290 peserta dimana 139 peserta terbuka dan 151 pelajar telah memeriahkan program yang dianjurkan ini. Seramai lima orang Zin telah diberi kepercayaan untuk menjalankan tugas sebagai instruktur untuk menjalankan Zumba ini. Zin yang terlibat adalah Zin Dato Tg. Julia, Zin Fariza, Zin Masyatie, Zin Suhana dan Zin Lisa. Semua Zin ini adalah zin yang berpengalaman dalam Zumba. Maklum balas dari peserta adalah sangat baik dan akan dijadikan sebagai medium untuk menyumbangkan derma kepada badan amal kebajikan yang memerlukan.



Kembara Rohani Pusat Islam Bersama Komuniti Ke Bumi Aceh, Indonesia



Selaras dengan visi dan misi penubuhan Pusat Islam UniSZA, pihak pengurusan masjid telah menganjurkan program Kembara Rohani Pusat Islam Bersama Komuniti Ke Bumi Aceh, Indonesia yang telah diadakan selama empat hari tiga malam iaitu pada 17-20 Disember 2015 bertempat di Aceh, Indonesia.

Program kembara ini telah disertai oleh 40 orang peserta yang terdiri dari kalangan kakitangan UniSZA dan komuniti setempat serta dikendalikan oleh empat orang pegawai dari Pusat Islam UniSZA.

Program kembara ini diadakan adalah bertujuan untuk mengharumkan nama UniSZA dalam kalangan komuniti sebagai institusi contoh dalam kegiatan keagamaan dan sosial. Di samping itu, para peserta dapat melihat sendiri bagaimana kesan selepas berlakunya bencana alam Tsunami tanggal 26 Disember 2004.

Program ini diharap mampu menjadi titik tolak kesinambungan matlamat utama program dan seterusnya dapat mengeratkan lagi antara warga UniSZA dengan komuniti setempat.

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, para peserta yang terlibat memberikan maklum balas yang positif dan berharap agar program seperti ini diteruskan lagi pada masa akan datang.

Konvensyen ASEAN Student Entrepreneurship Network (ASENet)

Penganjuran Konvensyen ASEAN Student Entrepreneurship Network (ASENet) bertujuan untuk memperkenalkan, mengukuh dan memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti ASEAN. Program anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Majlis Perwakilan Pelajar USM (MPP USM) turut mendedahkan cabaran bidang keusahawanan berserta panduan untuk menjalankan projek keusahawanan secara individu.

Lima pelajar UniSZA merupakan antara 200 peserta dari universiti di Malaysia, Singapura, Thailand, Laos, Vietnam, Myanmar, Indonesia dan Filipina.

Konvensyen ini berlangsung pada 20-23 Januari 2016 bertempat di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

ASENet menjadi satu platform rangkaian keusahawanan yang melibatkan pelajar dari universiti ASEAN dalam berkongsi pengetahuan berkaitan program keusahawanan dan melalui aktiviti ini, ikatan mesra antara pelajar tempatan dengan luar negara akan dapat dibentuk melalui keusahawanan.

Peserta konvensyen ini dapat melengkapkan diri dengan ilmu keusahawanan yang terkini serta merangka satu projek untuk mengukur tahap pemahaman mereka dalam pelbagai slot keusahawanan yang dirancang. ASENet juga memerlukan peserta berfikir secara lebih kritis dan bersedia untuk menghadapi sebarang cabaran pada masa hadapan melalui pengalaman yang diterima daripada program ini.

Beberapa tokoh usahawan berjaya telah dijemput bagi berkongsi pengalaman dalam bidang perniagaan antaranya ialah Pengarah Urusan Air Asia Berhad, Tan Sri Anthony Francis Fernandes dan Pengarah Urusan Nusantara Technologies, Prof. Adjung Dato' Ghazali Dato' Yusoff. Perbincangan meja bulat berkaitan hala tuju ASENet ini turut diadakan bagi berkongsi maklumat dan idea untuk meningkatkan program keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan pengakhirannya peserta mendapat input berguna sepanjang program berlangsung serta berjaya mencapai objektif program untuk membina rangkaian keusahawanan antara pelajar yang merangkumi negara-negara ASEAN.





Malaysian Group Eyes Publishing Partnership With Bruneian Varsities

The Malaysian Academic Publication Council (MAPIM) is eyeing a joint venture in publishing academic literature with Bruneian universities. Naqiah Saad, an administration officer at Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), signified MAPIM's interest for a joint venture publication during the recent Brunei Book Festival at the Hassanal Bolkiah National Sports Complex's multipurpose hall.

Speaking to *The Brunei Times*, she said that there are almost 20 Malaysian universities under MAPIM, an organisation actively seeking to develop scientific and academic publications in Malaysia. Its members include Higher Education Public Institutions (IPTA), research centres as well as its Language and Literature Bureau (DBP). Among its IPTA members are UniSZA, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Teknologi MARA as well as Universiti Sains Islam Malaysia (USIM,) which recently produced two publications with the local Seri Begawan Religious Teachers University College (KUPU SB). "We are looking for opportunities to exchange knowledge with Brunei that caters to the specific field of expertise of each university," Siti Naqiah said.

UniSZA, as an Islamic university, is looking to have collaboration with universities in Brunei such as UNISSA and KUPU SB in publishing academic books on Islamic studies, she added. UniSZA has already forged a Memorandum of Understanding (MoU) with local universities in Brunei, but their collaborations are centred on school programmes and studies, she said.

"We want to focus on publications. So we are hoping to have more collaboration with Brunei universities especially on scholarly Islamic works," she said. Another UniSZA officer, Nurul Aizam Ab Rahim, told *The Brunei Times* that as Islamic studies and literature in Brunei are "more prevalent now", it is necessary for the two countries to share and exchange ideas on the matter. "Being in Brunei, I can see that the country is more to Islamic (culture). So aside from exchanging and sharing academic knowledge, there is also the opportunity for future growth in marketing Islamic books and publications between Brunei and Malaysia," she said.

Program Sukarelawan

Brunei Darussalam Inter-country Volunteerism Effort

Persatuan Mahasiswa Hubungan Antarabangsa (IRISS), UniSZA dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa dan Mahasiswi Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam telah berjaya mengadakan sebuah program sukarelawan di Brunei Darussalam selama enam hari iaitu pada 20-25 Februari 2016.

Seramai 18 orang mahasiswa program Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa secara sukarela menabur bakti bagi menjayakan program ini. Staf akademik yang turut terlibat untuk merealisasikan program ini ialah Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Prof. Madya Dr. Mohd Afandi Salleh, dan seorang penolong pensyarah, En. Ahmad Sharif Haron selaku pegawai pengiring.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membudayakan amalan kesukarelawanan ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di arena antarabangsa. Berpaksikan konsep UniSZA Universiti Komuniti, program ini bukan sahaja melibatkan mahasiswa, malah turut melibatkan masyarakat di Brunei Darussalam. Selain itu, jaringan sosial yang lebih erat ingin diwujudkan antara dua universiti dengan mempunyai satu objektif yang sama iaitu mengenai pentingnya amalan kesukarelawanan serta impaknya kepada masyarakat.

Antara aktiviti sukarelawan yang telah dijalankan ialah Projek Eko di Tamu Kianggeh bersama sebuah badan bukan kerajaan di Brunei Darussalam, iaitu Green Brunei. Aktiviti ini dijalankan dalam bentuk *service learning*. Para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk menemu ramah dan mengumpul maklumat daripada para peniaga di pasar berkenaan isu-isu sosial seperti pengaruh infrastruktur untuk menarik pengunjung, khidmat yang disediakan, daya tarikan

dan lain-lain. Hasil daripada sesi temu ramah tersebut kemudian dibentangkan untuk tindakan selanjutnya bagi penambahbaikan pasar tersebut.

Aktiviti lain adalah seperti Misi Masjid di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampong Sungai Kebun. Melalui aktiviti ini, para peserta bekerjasama dengan sukarelawan dari UNISSA dan ahli jawatankuasa masjid bagi membersihkan serta menceriakan masjid berkenaan. Selain itu, sesi perbincangan dan dialog juga telah dijalankan mengenai kesukarelawanan dan sosiobudaya di kedua-dua negara. Sesi ini melibatkan para peserta dan pegawai dari beberapa institusi pengajian tinggi seperti Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), UNISSA, dan Universiti Brunei Darussalam (UBD). Di samping itu, para peserta turut melawat Kampong Ayer, iaitu sebuah perkampungan air terbesar di dunia, dan berpeluang menyaksikan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Program ini telah berjaya mewujudkan jaringan sosial yang erat antara UniSZA, UNISSA, organisasi lain serta masyarakat yang terlibat.



Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT)

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Majlis-Majlis Sukan IPT (MASUM, MSP, MASKOM dan MASISWA) mengambil inisiatif menganjurkan SUKIPT (Sukan Institusi Pendidikan Tinggi) bermula pada tahun 2012. Penganjuran kejohanan ini diadakan secara dwitahunan dan diselang-selikan dengan penganjuran Karnival Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA). Bagi penganjuran edisi ketiga, kontinjen jemputan untuk kejohanan ini ditambah dengan jemputan antarabangsa melibatkan negara-negara Asia Tenggara selain turut mempertandingkan beberapa acara sukan untuk atlet kelainan upaya (OKU). Penganjuran SUKIPT merupakan satu usaha kementerian untuk membangunkan dan memajukan sukan di peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa secara bersepadu. Penyertaan untuk sukan ini adalah terbuka kepada semua atlet IPT di Malaysia.

Antara objektif penganjuran Sukan Institusi Pendidikan Tinggi adalah memastikan penganjuran SUKIPT 2016 dapat dijayakan selaras dengan Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (DPSIPT), menjadi landasan bagi atlet bertanding di peringkat yang lebih tinggi, meningkatkan integrasi nasional dalam kalangan pelajar/ penuntut institusi pendidikan menerusi sukan, mencungkil bakat atlet dan menyediakan peluang bertanding yang lebih kompetitif dan membudayakan sukan dalam kalangan pelajar/ penuntut sebagai usaha ke arah meningkatkan kesihatan dan kualiti hidup terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Acara sukan yang dipertandingkan adalah sebanyak 25 acara sukan dan UniSZA telah menghantar seramai 130 orang atlet dalam 14 acara sukan yang disertai. Sukan yang terlibat adalah badminton, tenis, tenpin bowling, bola tampar, *lawn bowls* dan taekwondo



untuk fasa pertama dan bagi fasa kedua adalah sukan memanah, pencak silat, hoki wanita, catur, olahraga, bola tampar pantai, dan karatedo. Pasukan UniSZA hanya berjaya mendapat kutipan pingat sebanyak lima perak dan 12 gangsa. Dengan pencapaian pingat ini UniSZA menduduki tempat ke-46 daripada 107 IPT bertanding.

Sukan yang berjaya menyumbang pingat kepada UniSZA adalah seperti berikut:

Bil.	Sukan	Pingat
1	Memanah	3 Perak dan 6 Gangsa
2	Pencak Silat	1 Perak
3	Olahraga	1 Perak dan 1 Gangsa
4	Taekwondo	2 Gangsa
5	Karatedo	3 Gangsa



Lari Sampai Kayoh Sejauh 4KM



Majlis Kolej Kediaman (MKK) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menganjurkan program Lari Sampai Kayoh pada 22 April lalu bertempat di UniSZA Kampus Gong Badak.

Program itu adalah satu acara sukan berbentuk “duathlon” iaitu setiap pasukan yang terdiri daripada empat orang ahli perlu berlari sejauh dua kilometer dan berbasikal sejauh empat kilometer.

Pengarah Program, Mohammad Shafiq Shamsuddin berkata, antara objektif program itu adalah untuk melahirkan mahasiswa UniSZA yang aktif di dalam kehidupan seharian selain merapatkan hubungan di antara jawatankuasa MKK dan Felo dengan mahasiswa.

Penutup program dan penyampaian hadiah serta cenderahati telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Felo, Muhamad Fauzan Anuar.

Dalam ucapan perasmian penutup, beliau menyatakan rasa teruja dan menyarankan agar dianjurkan lagi di masa akan datang kerana ianya sangat seronok serta mencabar dan secara tidak langsung dapat menambahkan ketahanan fizikal dalam kalangan mahasiswa UniSZA.





Liga Sukan Antara PTj



LEMBAGA PENERBITAN UniSZA

1. Lembaga Penerbitan UniSZA (LP UniSZA) merupakan badan rasmi yang akan menimbangkan karya dan terbitan yang layak diterbitkan di bawah naungan universiti dengan memakai nama imprint Penerbit UniSZA.
2. Keanggotaan Lembaga Penerbitan UniSZA adalah seperti berikut:
 - a. Pengerusi - Pegawai utama universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.
 - b. Anggota - Lima orang tenaga akademik kanan yang dilantik oleh Pengerusi mewakili bidang pengajian utama.
 - c. Setiausaha - Pengarah Penerbit UniSZA.
 - d. Ex-officio - Timbalan Pengarah Penerbit UniSZA.
 - e. Pencatat - Mana-mana pegawai di Penerbit UniSZA yang dilantik.
3. Lembaga Penerbitan UniSZA secara khususnya memainkan peranan berikut:
 - a. Menentukan dasar penerbitan universiti.
 - b. Menggerakkan pembinaan prasarana penerbitan ilmiah khususnya kewangan dan perjawatan.
 - c. Memantau Penerbit UniSZA.
 - d. Menerima laporan Penerbit UniSZA.
 - e. Mempelawa manuskrip hasil karyawan warga dan bukan warga UniSZA untuk diterbitkan oleh Penerbit UniSZA.
 - f. Meluluskan hasil tulisan akademik dan saintifik untuk diterbitkan oleh Penerbit UniSZA sama ada dalam bentuk buku, modul pengajaran dan pembelajaran, jurnal, dan syarahan akademik sama ada bercetak atau digital.
- g. Melulus serta mengiktiraf penerbitan jurnal untuk diterbitkan oleh Penerbit UniSZA.
- h. Menyelaraskan dan memantau semua aspek pengurusan penerbitan jurnal.
- i. Meluluskan serta memperakui pencalonan mana-mana karyawan UniSZA serta hasil karya mereka yang diterbitkan oleh Penerbit UniSZA atau penerbit luar untuk menerima Anugerah Penerbitan UniSZA dan badan-badan lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
4. Pertimbangan kelulusan atau selainnya hendaklah meliputi empat perkara di bawah:
 - a. Menimbangkan permohonan penerbitan sesebuah manuskrip atau sesuatu projek penerbitan, sama ada melulus, menangguh, menggantung atau menolak penerbitannya.
 - b. Menilai manuskrip dari segi isi, pendekatan dan keperluan berdasarkan laporan penilaian manuskrip.
 - c. Memberi nasihat, pandangan dan teguran tentang cara memperoleh atau membina judul dan siri terbitan.
 - d. Memastikan karya yang diterbitkan oleh Penerbit UniSZA mempunyai mutu ilmiah yang tinggi.



